

# Pengaruh Identifikasi Parti Dan Politik Pembangunan Dalam Pilihan Raya Kecil (Prk) Parlimen Sungai Besar Dan Kuala Kangsar 2016

Junaidi Awang Besar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan  
(Social, Environmental and Developmental Sustainability - SEEDS),  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor  
E-mel: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

---

## Abstrak:

Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen (P093) Sungai Besar dan P067 Kuala Kangsar pada 14 Jun 2016 (hari mengundi awal) dan 18 Jun 2016 (hari mengundi biasa) merupakan pilihan raya yang sesuai untuk melihat reaksi pengundi terhadap senario politik semasa tanah air yang sedang bergolak sama ada pada pihak Barisan Nasional (BN) mahupun parti-parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) yang dianggotai PKR, DAP dan AMANAH dan juga Blok Ketiga (PAS dan IKATAN). PRK ini diadakan berikutan kematian kedua-dua ahli parlimen BN yang terlibat dalam nahas helikopter ketika PRU DUN Sarawak pada Mei 2016. Justeru adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam PRK Parlimen Sungai Besar, Selangor; dan Parlimen Kuala Kangsar, Perak. Metod atau data kajian ini diperolehi melalui pemerhatian di lapangan, analisis data primer keputusan PRK di kedua-dua kawasan parlimen tersebut dan sumber sekunder daripada buku-buku akademik, artikel jurnal dan kertas seminar/prosiding yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa BN terus mengekalkan 'status quo' kerana faktor identifikasi parti dan mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi di kedua-dua kawasan tersebut. Pertandingan tiga penjuru yang mengakibatkan perpecahan parti-parti pembangkang antara PH dengan PAS turut memberi kelebihan kepada BN untuk terus kekal dengan pertambahan majoriti yang lebih tinggi. Namun begitu jika dilihat kepada keputusan PRK mengikut kawasan daerah mengundi majoriti etnik tertentu serta lokasi geografi (bandar-luar bandar) jelas menunjukkan pola pengundian yang berlaku adalah mirip keputusan PRU 2013 sebelumnya. Faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing turut mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian. Justeru, semua parti politik perlu mengambil iktibar terhadap keputusan dan pola pengundian sedemikian untuk merangka strategi politik yang mantap bagi memenangi hati pengundi menuju PRU-14 akan datang.

## Abstract:

By-election of Parliamentary (P093) Sungai Besar and (P067) Kuala Kangsar on June 14, 2016 (the day of early voting) and 18 June 2016 (the day of voting common) is an election that correspond to see the reaction of voters to the current political scenario in the country troubled either on the Barisan Nasional (BN) and the opposition parties of Pakatan Harapan (PH) comprising PKR, DAP and AMANAH and also Third Block Party (PAS and IKATAN). This by-election was held following the death of the two BN MPs were involved in a helicopter crash during the Sarawak state assembly election in May 2016. Thus it is the purpose of this study to investigate the influence of party identification and political development in parliamentary by-election of Sungai Besar, Selangor; and Parliamentary seat of Kuala Kangsar, Perak. Methods or data was collected through field observations, data analysis of primary election results in both constituency and secondary sources of academic books, journal articles and conference papers/proceedings related. The results showed that BN continues to maintain the 'status quo' because the factor of party identification and political development mentality thickened in the thinking of voters in both those areas. Three-cornered fight which resulted in a split between opposition parties like PH and PAS with even more favorable to the BN to remain with the higher majority. However, given the results of

*the election by the majority vote of certain ethnic and geographic location (urban-rural) clearly indicate the voting pattern that occurs is similar to the results of previous election in 2013. The by-election held during the fasting month, voters who did not go vote, split the opposition vote, protest supporters of their party also influence voter turnout and voting patterns subsequent decisions. Therefore, all political parties need to take heed to the decisions and the voting pattern so as to formulate a robust political strategy to win the hearts of voters towards the coming GE14.*

**Kata kunci:** Pilihan Raya Kecil, Parlimen, Identifikasi parti, Politik pembangunan, Status quo.

---

## PENGENALAN


Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P093 Sungai Besar, Selangor dan P067 Kuala Kangsar, Perak diadakan berikutan kematian serentak kedua-dua ahli Parlimen (YB Dato' Noriah Kasnon – Sungai Besar dan YB Datuk Wan Mohammad Khair-Il Anuar Wan Ahmad – Kuala Kangsar) dalam nahas helicopter terhempas di Sungai Saratok, Sebuyau ketika kempen PRU DUN Sarawak pada Mei 2016. Kekosongan kerusi Parlimen luar jangka yang berlaku di kedua-dua kawasan menyebabkan PRK perlu diadakan sebelum Jun iaitu 2 tahun sebelum PRU akan datang. Kedua-dua PRK ini diadakan serentak pada 18 Jun 2016 ketika umat Islam menyambut bulan Ramadan iaitu sebulan berpuasa. Pilihan raya ini dilihat sebagai ujian dalam menilai pengaruh BN, PH dan PAS setelah beberapa isu nasional yang menggegarkan negara iaitu isu 1MDB, isu cukai GST, krisis kepemimpinan UMNO serta perpecahan pakatan parti pembangkang yang menyaksikan PAS keluar daripada Pakatan Rakyat (PR) dan PR dijenamakan semula kepada Pakatan Harapan (PH) yang dianggotai PKR, DAP dan PAN/AMANAH yang merupakan parti serpihan PAS. Kawasan Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Kuala Kangsar sesuai dilabelkan sebagai 'kubu kuat' BN/UMNO kerana sejarah keputusan pilihan raya umum di kawasan ini menunjukkan Perikatan/BN menang dengan 'bersih' dalam kesemua 13 kali pilihan raya umum di kedua-dua kawasan tersebut. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan faktor identifikasi parti dan sentimen politik pembangunan yang kuat kepada BN/UMNO oleh majoriti pengundi di kawasan ini. Kemudian, keputusan PRK di kedua-dua kawasan Parlimen menyaksikan BN menang dengan majoriti yang lebih besar kerana perpecahan undi parti-parti pembangkang, pengundi luar yang majoritinya pro-pembangkang tidak pulang mengundi dengan sebahagian pengundi keliru dan sudah bosan dengan pergolakan yang berlaku dalam pakatan parti pembangkang yang menyebabkan sama ada mereka tidak mengundi, membuat undi rosak ataupun kembali mengundi BN. Justeru dengan berfaktorkan pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam mempengaruhi kemenangan BN dalam kedua-dua PRK maka analisis impak faktor akan digarap dalam kertas kerja ini dengan melihat keputusan yang lebih mendalam iaitu berdasarkan kawasan daerah mengundi, lokasi geografi, etnik dan kelas ekonomi akan dikaitkan dengan mendalam.

## **METOD KAJIAN**

Data primer diperoleh melalui score sheet/helaian mata data keputusan PRU 2013 dan PRK 2016 di kawasan Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar, pemerhatian di lapangan iaitu situasi ketika kempen dan kerancangan perang bendera dan poster di kesemua kawasan Daerah Mengundi Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar serta pengumpulan data sekunder daripada penyelidikan di perpustakaan (buku, laporan/terbitan berkala dan jurnal), bahan-bahan bercetak, akhbar dan maklumat atas talian iaitu laman web dan blog.

## **KAWASAN KAJIAN**

Kawasan kajian ini ialah di Parlimen P093 Sungai Besar, Selangor dan P067 Kuala Kangsar, Perak. Kawasan Parlimen Sungai Besar terletak di negeri Selangor Darul Ehsan, bersempadankan dengan kawasan Parlimen Sabak Bernam di utara, Parlimen Hulu Selangor di timur dan Parlimen Tanjong Karang di selatan. Kawasan Parlimen Sungai Besar berkeluasan 609.26 km persegi (Lihat Rajah 1 - Peta kawasan Daerah-Daerah Mengundi dalam Parlimen Sungai Besar, Selangor).




Rajah 1: Peta kawasan Daerah-Daerah Mengundi dalam Parlimen Sungai Besar, Selangor

Kawasan Parlimen Sungai Besar mempunyai 30 Daerah Mengundi iaitu di DUN Sungai Panjang yang mengandungi Daerah Mengundi Parit 16-Belia 2, Parit 13-15 Sungai Panjang, Parit 6-12 Sungai Panjang, Parit 2-5 Sungai Panjang, Pekan Sungai Besar, Bagan Sungai Besar, Parit 1 Timur, Sungai Limau, Sungai Haji Dorani, Peket Enam Puluh, Simpang Lima, Parit 13 Sungai Nipah, Sungai Nipah, Sungai Nibong, Pasir Panjang Tengah, Pasir Panjang Selatan, Taman Berkat, Parit 6-12 Timur, Kampung Baharu Nelayan; dan di DUN Sekinchan yang mengandungi Daerah Mengundi Sungai Leman Bendang Utara, Sungai Leman Bendang Tengah, Sungai Leman Bendang Selatan, Sungai Leman Kampung Darat, Sungai Leman Kampung Laut, Sekinchan Selatan, Sekinchan Tempatan Selatan, Sekinchan Tempatan Tengah, Sekinchan Tempatan (Site B) dan Kian Sit (Lihat Rajah 1 - Peta kawasan Daerah-

Daerah Mengundi dalam Parlimen Sungai Besar, Selangor). Parlimen Sungai Besar mempunyai 42,655 pemilih berdaftar dengan 42,365 pemilih biasa, 286 pengundi awal dan 4 pemilih tidak hadir luar negara. Kawasan ini mempunyai 66.89 peratus etnik Melayu, 31.04 peratus Cina, 1.85 peratus India dan 0.22 peratus etnik-etnik lain. Petugas pilihan raya di kawasan ini ialah 928 orang.

Kawasan Parlimen Kuala Kangsar pula terletak di negeri Perak Darul Ridzuan, bersempadankan dengan kawasan Parlimen Padang Rengas di utara, Parlimen Tambun dan Batu Gajah di timur, Parlimen dan Parlimen Parit dan Beruas di selatan dan Parlimen Bukit Gantang di barat (Lihat Rajah 2 - Peta kawasan Daerah-Daerah Mengundi dalam Parlimen Kuala Kangsar, Perak). Kawasan Parlimen Kuala Kangsar berkeluasan 577.47 km persegi.



Rajah 2: Peta kawasan Daerah-Daerah Mengundi dalam Parlimen Kuala Kangsar, Perak

Kawasan Parlimen Kuala Kangsar mempunyai 26 Daerah Mengundi iaitu di DUN Bukit Chandan yang mengandungi Daerah Mengundi Jalan Kangsar, Jalan Dato, Jalan Dato Sagor, Kampong Talang, Kampong Pajak Potong, Kampong Lembah Sayong, Bukit Resident, Bukit Chandan, Bendang Kering, Menora, Senggang, Seberang

Manong dan Bekor; dan DUN Manong yang mengandungi Daerah Mengundi Taman Bunga Raya, Talang Hulu, Jalan Baharu, Bendang Panjang, Jerlun, Kampong Mesjid, Kampong Ketior, Ulu Kenas, Lempor, Kampong Jeliang, Manong, Kampong Semat dan Ulu Piol. Parlimen Kuala Kangsar mempunyai 32,949 pemilih berdaftar dengan 32,632 pemilih biasa, 312 pengundi awal dan 5 pemilih tidak hadir luar negara. Kawasan ini mempunyai 67.96 peratus etnik Melayu, 23.94 peratus Cina, 6.96 peratus India dan 1.14 peratus etnik-etnik lain. Petugas pilihan raya di kawasan ini ialah 594 orang.

## **KAJIAN LEPAS: POLITIK DAN PILIHAN RAYA DI SELANGOR DAN PERAK**

Kajian lepas mengenai pilihan raya Selangor sudah banyak dijalankan, namun begitu, kebanyakan kajian yang dijalankan tidak menyeluruh terhadap geografi politik. Keadaan ini menyebabkan maklumat berkaitan geografi politik sukar diperolehi kerana hanya sedikit maklumat yang ada. Kajian lepas yang akan dihuraikan dalam bab ini merangkumi kajian lepas mengenai politik antarabangsa, politik Malaysia dan juga politik, pemerintahan serta pilihan raya di Selangor.

Seterusnya untuk kajian politik dan pilihan raya di Selangor dan juga di DUN Kajang, Hashim (1994) dalam kajian ragam pengundi Melayu bandar dan luar bandar di Kajang dan Dengkil mendapati terdapat tiga fenomena ragam pengundi Melayu iaitu kekal sebagai penyokong setia BN, sebilangannya telah menukar sokongan kepada pembangkang dan peratus mengundi yang rendah di bandar. Pengundi Melayu menjadi sasaran meraih sokongan undi parti-parti yang bertanding dan perpaduan pengundi Melayu menjamin kemenangan dan kesinambungan pemerintahan BN sejak sekian lama. Sikap pengundi Melayu dalam membuat perkiraan parti yang hendak disokong adalah lebih kepada kestabilan masyarakat dan negara serta parti daripada bangsa calon sendiri.

Mohd Fuad (1996) dalam kajian pungutan pendapat awam di kawasan Parlimen Tanjung Karang, Selangor semasa pra-pilihan raya 1990 dan pilihan raya umum 1995 mendapati bahawa dapatan dari hasil kajian menepati keputusan pilihan raya umum yang sebenar. Golongan tentera mempunyai pandangan yang positif terhadap agenda dan perkembangan politik negara. Leow (2001) dalam kajian pilihan raya 1999: tingkahlaku pengundi Cina di Sri Kembangan, Selangor mendapati faktor media massa, faktor sistem kepercayaan atau sikap politik dan faktor isu politik telah membantu pengundi mencorak keutamaan mereka iaitu mengawal kerajaan dan pembangunan tempatan yang berkesan.

Wan Surianni (2002) mendapati pengundi di mukim Kajang, Selangor mengikuti perkembangan semasa dan bersetuju dengan perubahan yang dilakukan oleh SPR ke atas daftar pemilih. Penghijrahan penduduk sebenarnya tidak memberi kesan kepada pengurusan sistem pendaftaran pemilih dan pilihan raya. Chamil (2006) mendapati perjuangan UMNO di Selangor dalam membela Melayu sehingga PRU 2004 diterima rakyat Selangor dengan baik kerana pengalaman dalam memerintah negeri ini sejak merdeka hingga PRU 2004 dan menunjukkan politik permuafakatan yang diamalkan BN diterima rakyat dan sesuai dengan keadaan politik di Selangor dan juga di peringkat nasional.

Ibrahim (2008) dalam kajiannya ke atas 300 responden yang meliputi kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar di Selangor merekodkan beberapa permasalahan asas kehidupan rakyat yang akhirnya membawa kepada kemenangan pakatan pembangkang di Selangor seperti isu peningkatan kos sara hidup, pemotongan subsidi, hak orang Melayu dan permasalahan sosial. Kesemua perkara ini diberi perhatian yang tinggi oleh pengundi di Selangor berbanding janji pembangunan fizikal yang dibawa oleh BN. Selain itu, kajian Ibrahim juga mendapati sikap pengundi Selangor terhadap parti dan orientasi ideologi yang didokong parti adalah lebih utama berbanding faktor peribadi calon yang bertanding. Ini kerana kebanyakan pengundi masih terikat kuat dengan semangat kepartian dan melihat seorang calon hanya sebagai wakil rakyat atau agen parti. Oleh sebab itu, beberapa tindakan kerajaan yang dilihat menafikan hak parti pembangkang untuk bertanding secara adil dalam pilihan raya telah membawa kepada ketidakpuasan dan simpati rakyat Selangor terhadap mereka. Undi protes yang dilakukan oleh kelompok atas pagar berkenaan hal ini ternyata memberi keuntungan besar buat pembangkang.

Mohd Fuad dan Junaidi (2009) dan Mohd Fuad et al. (2009) melalui kajian “Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan” dalam dapatan kajiannya menunjukkan bahawa 58.8 peratus menyatakan mereka memperoleh sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia dan New Straits Times. Terdapat 25.6 peratus menyertai parti politik sebagai ahli. 56.9 peratus menyatakan mereka suka memilih muka baru dalam kepemimpinan negeri dan negara dan 52.9 peratus berpuas hati dengan keputusan pilihan raya umum 2008. Namun, 65.6 peratus responden menyatakan mereka tidak gembira dengan pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Mereka yakin dengan kepimpinan kerajaan negeri tetapi tidak yakin dengan dasar yang diamalkan oleh kerajaan negeri Selangor yang sedia ada yang dilihat lebih menguntungkan sesuatu pihak. Rahman (2009 dan 2012) menyatakan politik permuafakatan antara kaum masih sesuai diamalkan di Malaysia memandangkan kemajmukan etnik di negara ini dan formula BN adalah kaedah terbaik dalam menyatukan kaum di negara ini.

Junaidi dan Mohd Fuad (2010) dalam kajian persepsi terhadap kepemimpinan nasional dan Kerajaan Negeri Selangor mendapati majoriti responden berpendapat bahawa tampuk pemerintahan di negeri Selangor masih boleh dikuasai oleh Pakatan Rakyat, namun begitu ia amat bergantung kepada isu semasa menjelang PRU ke-13 kelak. Ini kerana terdapat sebahagian besar pengundi yang diklasifikasikan sebagai ‘atas pagar’ serta tidak mempunyai pendirian tetap dan masih menilai prestasi kepemimpinan negeri dalam memenuhi janji-janji PRU ke-12 dahulu. Namun begitu, masih terdapat kelemahan pada pemerintahan kerajaan negeri dari segi percanggahan pendapat sesama pemimpin Kerajaan Negeri dan mekanisme pelaksanaan yang dilihat tidak efisien dan ini mengakibatkan munculnya pelbagai isu berbangkit di negeri Selangor. Di peringkat Nasional pula, majoriti responden terus menyokong Barisan Nasional untuk menerajui negara.

Junaidi et al. (2010) dalam kajian pilihan raya kecil di Parlimen Hulu Selangor mendapati dari segi kriteria pemilihan calon, 81.7 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat. Parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka (75.3 peratus). Majoriti responden menyokong, menghayati dan memanifestasi konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan menyatakan prestasi kepemimpinan Kerajaan Persekutuan berada pada tahap memuaskan. Mereka juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara dan berpandangan Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri akan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan. Hasil kajian juga mendapati 43.10 peratus responden menyatakan akan mengundi BN berbanding 34.00 peratus PKR. Dapatan kajian tersebut selaras dengan keputusan sebenar pilihan raya yang memihak kepada BN sebanyak 1725 undi majoriti.

Mohd Faiz dan Junaidi (2010) mendapati pola pengundian kaum Melayu menentukan kemenangan sesuatu calon pada PRK Parlimen Hulu Selangor. Budaya politik Melayu juga mempengaruhi pola pengundian mengikut daerah/peti undi kawasan majoriti pengundi Melayu dan faktor kemenangan calon BN di Hulu Selangor. Isu moral calon PKR dan keceluparan pemimpin PAS ketika mengeluarkan kenyataan semasa kempen PRK Hulu Selangor memberi kelebihan kepada BN kerana budaya politik Melayu tidak mengingkari dan menderhaka kepada Sultan. Selain itu, melalui ciri agama Islam pula menunjukkan calon PKR yang mempunyai masalah moral yang lampau seperti yang digambarkan oleh pihak media juga memberi kelebihan kepada BN kerana dalam budaya politik Melayu, Islam menjadi asas dalam pembentukan budaya politik Melayu.



Dalam konteks politik bandar di Malaysia terutamanya di kawasan Lembah Klang iaitu di negeri Selangor, hasil daripada PRU 2008, isu-isu nasional dalam pilihan raya umum 2008 seperti kos sara hidup, konsumerisme, keselamatan, integriti, kehakiman, kedudukan kepentingan strategik negara serta isu-isu menyentuh hak asasi manusia telah menjadi perkiraan rakyat terutamanya pengundi bandar berbanding habuan pembangunan mega melalui pelancaran koridor-koridor ekonomi. Satu pandangan yang agak popular menyatakan bahawa penggunaan internet sebagai media alternatif amat berkesan dalam menentukan arah tuju keputusan pengundian. Pilihan Raya Umum Ke-12 bukanlah julung-julung kalinya internet digunakan sebagai landasan berkempen calon. Walaupun internet mula digunakan sebagai satu media alternatif sejak Pilihan Raya Umum 1999, keberkesanannya tidak diberi perhatian yang sewajarnya, lantaran keputusan pemilihan yang memihak kepada kemenangan dua pertiga parti pemerintah Barisan Nasional (BN) (Fernando 2011).

Junaidi et al. (2011) dalam kajian budaya politik Melayu dalam PRK Parlimen Hulu Selangor mendapati dari segi kriteria pemilihan calon, 81.7 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat. Hasil kajian juga mendapati 43.10 peratus responden menyatakan akan mengundi BN berbanding 34 peratus PKR. Dapatan kajian tersebut selaras dengan keputusan sebenar pilihan raya yang memihak kepada BN sebanyak 1725 undi majoriti. Perbandingan pola pengundian dan majoriti yang diperolehi calon/parti yang bertanding berdasarkan keputusan PRU 2004 hingga PRK 2010 mengikut daerah mengundi yang majoritinya pengundi Melayu menunjukkan kesemuanya berpihak kepada BN. Secara keseluruhannya politik Melayu berperanan penting dalam kemenangan BN di Hulu Selangor dan faktor sokongan pengundi Melayu juga mempengaruhi pola pengundian bagi etnik Melayu berdasarkan kepada lima ciri budaya politik Melayu iaitu Sultan/Raja, Islam, Bahasa Melayu, ekonomi dan universal (politik baru).

Kedudukan kerajaan Pakatan Rakyat Selangor yang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran juga dibincangkan oleh Syed Husin (2011) di dalam tulisnya yang berjudul Cabaran Politik Dan Pentadbiran Di Selangor. Cabaran dalaman yang dimaksudkan termasuklah masalah yang timbul dari dalam PKR dan kepimpinan kerajaan negeri sendiri, manakala cabaran luaran merujuk kepada peranan media dan masalah pentadbiran yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu. Mengikut Syed Husin, munculnya masalah ini adalah disebabkan terdapat sebahagian pemimpin akar umbi yang merasakan mereka layak diberi tempat dan kontrak bertindak meninggalkan parti apabila tidak mencapai hasrat yang diinginkan. Mereka melihat Menteri Besar, Khalid Ibrahim lebih sanggup untuk memilih mereka yang berkelayakan di luar parti dengan mengetepikan ahli parti sendiri. Dari sudut kelemahan kepimpinan kerajaan negeri pula, Syed Husin melihat Khalid yang terlibat lama dalam dunia pengurusan korporat cenderung mentadbir kerajaan negeri seperti sebuah organisasi korporat, tidak seperti

sebuah parti politik yang sepatutnya menjaga kepentingan rakyat dan pengikutnya. Kekurangan pengalaman juga memberi kesan kepada proses membuat keputusan, apatah lagi masih terdapat dalam kalangan mereka yang bertindak seperti kumpulan pembangkang, bukan kerajaan yang memerintah.

Noorun Nashriah (2011) telah membuat kajian bagaimana strategi kepimpinan ahli politik wanita dalam kempen Pilihan Raya Umum ke 12 di Selangor. Dalam pilihan raya umum 8 Mac 2008 menyaksikan penyertaan tertinggi wanita dalam sejarah Pilihan Raya Umum Malaysia di mana seramai 87 calon wanita bertanding di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala 43 lagi di peringkat parlimen. Hasilnya, 24 calon wanita menang di peringkat Parlimen atau (10.8 peratus) berbanding dengan 21 orang (10.5 peratus) pada Pilihan Raya Umum 2004 dan 20 orang (10.4 peratus) pada Pilihan Raya Umum 1999. Walaupun peningkatan penyertaan calon wanita di Parlimen dan DUN tidak begitu memberangsangkan iaitu kurang dari satu peratus dari 1999 ke 2004 dan peningkatan satu peratus dari 2004 ke 2008, namun ada beberapa faktor menarik mengenai penyertaan wanita dalam Pilihan Raya Umum ke 12 dan seterusnya mengenai komposisi wanita di Parlimen dan DUN. Gelombang kebangkitan rakyat di Malaysia selepas Pilihan Raya Umum ke 12 dijangka mengubah proses serta halatuju politik negara Malaysia. Begitu juga dengan sikap dan peranan wanita dalam politik yang pasti akan merubah proses penggubalan polisi awam di Malaysia. Ini akan menjejaskan proses penggubalan polisi awam di Malaysia. Proses sosialisasi politik calon wanita Pakatan Rakyat, misi dan visi serta isu-isu yang diperjuangkan semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke 12 yang diperolehi menerusi temubual yang dijalankan ke atas ke lima-lima orang YB tersebut. Tidak ketinggalan strategi pilihan raya yang digunakan oleh calon wanita PKR dan corak kepimpinan baru khusus kepimpinan wanita.

Fairol (2011) dalam kajian 'Transformasi Kepimpinan Masyarakat Selangor' mendapati keputusan Pilihan Raya ke 12 telah dianggap sebagai tsunami politik di Malaysia. Walaupun BN masih memegang Dewan Rakyat dan negeri-negeri lain di Malaysia, peratusan undi yang diperolehinya merosot. Situasi di Selangor pula merupakan satu kejutan yang amat drastik. Tiada diduga dalam perkiraan politik, yang Selangor akan jatuh ke parti pembangkang. Pembangkang yang diketuai oleh PKR, DAP dan PAS tiba-tiba mempunyai cengkaman yang kukuh untuk memerintah dan membentuk kerajaan di Selangor. Setelah tiga tahun berlaku sejak pilihan raya 2008, pelbagai usaha serta gembengan tenaga telah dicurahkan oleh pemimpin Barisan Nasional khususnya UMNO. Sehubungan itu, kajian telah dijalankan bagi mendapatkan gambaran serta persepsi masyarakat Selangor tentang keupayaan Pakatan Rakyat memerintah serta harapan yang dijanjikan oleh BN untuk mendapatkan kembali negeri Selangor pada pilihan raya ke 13. Kajian yang melibatkan sejumlah 9590 pengundi di Selangor secara tidak langsung telah memberi gambaran mengenai trend atau kecenderungan pengundi di 12 kawasan parlimen dan 26 Dewan Undangan Negeri.

Secara keseluruhannya harapan BN untuk mendapatkan tampuk pemerintahan di Selangor masih berada di atas pagar.

Khalid (2011) dalam tulisannya *Dasar Sosial Kerajaan Pimpinan Pakatan Rakyat* juga memperincikan mengenai pelbagai aspek negeri berkeadilan yang dilaksanakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat Selangor. Antaranya termasuklah skim pemberian 20 meter padu air percuma, membantu golongan miskin, terpinggir, warga tua, orang kelainan upaya dan mangsa keruntuhan rumah tangga, serta mehidupkan semula nilai hidup berkeluarga. Selain itu, dasar sosial kerajaan negeri Selangor turut memberi penekanan kepada usaha pembangunan potensi anak muda, mendokong nilai keadilan, hormat-menghormati dan toleransi antara agama, serta mengikis amalan perkauman yang menjadi asas pentadbiran terdahulu. Sebagaimana tulisan Tricia Yeoh sebelumnya, tulisan Khalid hanya memberi gambaran positif kemajuan sosio ekonomi yang telah dibawa oleh pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor.

Junaidi et al. (2012a) dalam kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya di DUN Kajang, Selangor mendapati persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 menyebabkan berlakunya perubahan bilangan pemilih secara keseluruhan, perubahan bilangan pemilih mengikut kaum, perubahan kedudukan dan pertambahan serta pengurangan daerah mengundi, pertambahan kerusi DUN/konstituensi, perubahan kedudukan DUN dalam kawasan Parlimen dan memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya. Persempadanan semula menyebabkan DUN Kajang dibahagikan kepada 2 kawasan iaitu DUN Kajang dan DUN Bangi dan digunapakai dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008. Persempadanan semula tersebut juga memberi kesan kepada keputusan pilihan raya umum 2004 di kawasan kajian dengan memberi kelebihan kepada parti peneraju Kerajaan Negeri dan Persekutuan iaitu Barisan Nasional (BN) namun ia berubah pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di mana masing-masing parti PKR dan PAR menang di DUN Kajang dan DUN Bangi.

Junaidi et al. (2012b dan 2012c) mendapati persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 di Kajang dan Bangi, Selangor memang memberi kesan kepada keputusan PRU 2004 iaitu memberi kelebihan kepada parti pemerintah. Namun pada PRU 2008 calon PAS dan PKR telah memenangi masing-masing kerusi DUN Bangi dan Kajang kerana terkesan oleh pelbagai isu nasional dan krisis kepemimpinan BN. Impak gerrymandering persempadanan semula kawasan pilihan raya terhadap keputusan pilihan raya yang menyebelahi pemerintah umumnya hanya bersifat sementara sahaja. Kuek (2012) dalam kajian pilihan raya kecil Parlimen Hulu Selangor, Selangor 2010 mendapati kemenangan BN dalam pilihan raya kecil tersebut dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan yang diamalkan oleh BN melalui penganugerahan projek-projek oleh Kerajaan Persekutuan serta mendapat sokongan

yang baik daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan FELDA di Hulu Bernam dan Batang Kali.

Keith (2012) dalam bukunya *The Future of Pakatan Rakyat: Lessons from Selangor* pula menilai perkembangan dan cabaran yang dihadapi oleh pakatan politik pembangkang di negeri Selangor. Pada peringkat awal penulisannya, beliau melihat kemenangan besar pembangkang dalam PRU ke-12 adalah disebabkan oleh transformasi politik yang berlaku dalam ketiga-tiga komponen parti tersebut sebelum mereka membentuk pakatan politik lagi. PKR yang terbentuk hasil gabungan Parti Keadilan dan PRM berjaya menghilangkan imej 'bekas UMNO' pada parti pimpinan Wan Azizah itu, disamping mengelak dari bersifat etnik dan eksklusif. Kemasukan ramai aktivis masyarakat sivil, peniaga dan profesional muda ke dalam DAP pula menghapuskan imej vernakular Cina yang tebal di dalam parti tersebut. Malah, PAS juga tidak terkecuali melakukan transformasi politik apabila memperjuangkan demokrasi Islam, good governance dan konsep negara berkeadilan. Sifat PAS yang dilihat lebih lembut ini bukan sahaja menarik penyertaan golongan moderat dan profesional, malah berjaya mendekatkan kelompok bukan muslim kepada parti itu sehingga tertubuhnya Kelab Penyokong PAS.

Tricia (2012) dalam bukunya *States of Reform: Governing Selangor and Penang* menganalisis secara kritikal pelbagai polisi dan program pembangunan yang berjaya dilaksanakan di dua buah negeri pimpinan kerajaan Pakatan Rakyat iaitu Selangor dan Pulau Pinang. Hasil kajian beliau menemui tiga kemajuan penting yang telah dilaksanakan oleh pakatan tersebut di Selangor, iaitu meliputi aspek pembangunan demokrasi, perkhidmatan awam dan pengurusan ekonomi. Pembangunan demokrasi dapat dilihat menerusi tindakan DUN untuk mewujudkan kebebasan maklumat 2010. Selain itu, terdapat juga usaha untuk menghidupkan kembali pilihan raya Majlis Perbandaran Negeri, mengadakan pilihan raya ketua kampung di tiga buah kampung baru Cina dan pemilihan ahli jawatankuasa masjid secara demokrasi. Penubuhan Selangor Select Committee on Competency, Accountability and Transparency (SELCAT) juga membuktikan usaha keras kerajaan negeri dalam memastikan elemen semak dan imbang sebagai salah satu prinsip penting demokrasi.

Mohammad Redzuan dan Amer Saifude (2013) dalam kajian politik dan pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor selepas 2008 mendapati pentadbiran dan pengurusan kerajaan PR Selangor pada masa kini amat berbeza dengan kerajaan BN yang memerintah sebelum ini. Ketelusan, efisien dan integriti kerajaan PR Selangor telah membawa negeri ke tahap yang lebih baik. Umpamanya dalam pengurusan kewangan, Laporan Ketua Audit Negara mencadangkan kerajaan Selangor meneruskan perbelanjaan berhemat dan berusaha mengutip baki pinjaman tunggakan bayaran pinjaman yang boleh dituntut. Kedudukan kewangan Selangor juga memuaskan

apabila Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri meningkat sebanyak 20.2 peratus daripada RM1,319.97 juta pada tahun 2009, kepada RM1,586.88 juta pada tahun 2010. Selain itu juga, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri pada tahun 2010 menunjukkan surplus yang berjumlah RM 124.24 juta. Begitu juga dengan prestasi kewangan jabatan dan agensi kerajaan negeri menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Pada tahun 2010, empat negeri yang menunjukkan prestasi yang menggalakkan. Pada tahun 2010, empat agensi kerajaan negeri iaitu Perbendaharaan Negeri, Majlis Perbandaran Bandar dan Desa berada pada tahap yang sangat baik, 11 agensi berada pada tahap baik dan stu agensi pada keadaan yang memuaskan. Laporan Ketua Audit Negara 2010, mempamerkan kerajaan PR Selangor dapat melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan efektif.

Pada masa sekarang, emosional sokongan rakyat dan pengundi di Selangor masih bersama pihak PR apabila dilihat mampu melaksanakan beberapa perubahan dalam pentadbiran dan melunaskan janji-janji Pilihan Raya Umum yang lepas. Walau bagaimanapun dalam sistem Pilihan Raya yang diamalkan negara, first-past-the-post, sokongan popular pengundi sahaja tidak dapat membantu secara langsung kepada penguasaan kerajaan Negeri. Ia masih tertakluk kepada bilangan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti politik untuk menentukan parti politik yang dapat menguasai sesebuah Kerajaan Negeri. Parti polilitik yang mendapat paling banyak kerusi dalam Pilihan Raya akan membentuk kerajaan. Penguasaan kerusi pula banyak bergantung kepada pembentukan kawasan Pilihan Raya yang berasaskan kepada komposisi etnik dalam kawasan pengundian tersebut. Ini menyebabkan keputusan Pilihan Raya menyerlah fenomena politik etnik yang menjadi asas kepada perlaku pengundian dalam negara.

Azrai (2013) mendapati kesepakatan dan kerjasama politik Pakatan Rakyat di Selangor secara umumnya adalah baik. Beberapa koflik dalaman yang tercetus dilihat berpunca daripada persaingan politik peribadi, pertentangan idea dan cara serta kerendahan moral sesetengah pimpinan sendiri. Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan tersebut tidak menghalang usaha pembangunan sosial politik dan ekonomi negeri seperti mana yang mereka janjikan, dengan mengambil kira aspirasi rakyat Selangor yang inginkan perubahan.

Mohd Hasbie (2013) mendapati kejayaan PR mengekalkan kemenangan di Selangor disebabkan faktor rekod cemerlang kepemimpinan Menteri Besar Selangor Pakatan Rakyat iaitu Tan Sri Khalid Ibrahim yang berjaya meningkatkan pendapatan negeri di samping bersikap anti-kronisme dan anti-favouritisme dalam pengagihan projek kerajaan negeri kepada kontraktor. Siti Zanariah dan Ahmad Nizar (2013) dalam kajian politik Selangor dalam PRU 2013 mendapati BN tewas di kawasan bandar sama ada majoriti etnik Melayu, Cina dan juga India seterusnya mendapat sokongan penuh daripada pengundi golongan pertengahan. Ini menunjukkan pengundi sudah mula

menolak politik perkauman dalam BN dan mula menerima politik merentas kaum yang diperjuangkan Pakatan Rakyat.

Wong (2014) dalam kajian PRU 2013 di kawasan Parlimen Pandan, Selangor mendapati senario keputusan PRU 2013 di Parlimen Pandan menunjukkan berlakunya dinamika baru politik bandar di negara ini. Ini kerana majoriti ketiga-tiga etnik (Melayu, Cina dan India) menolak calon MCA/BN daripada etnik Cina termasuk etnik Cina sendiri disebabkan isu nasional iaitu tawaran manifesto PR yang lebih menarik serta keinginan untuk mencuba pemerintahan baru selain BN.

Mohd Fuad et al. (2014) dalam kaji selidik terhadap 300 orang responden di kesemua 16 Daerah Mengundi dalam PRK DUN Kajang mendapati bagi jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Isu-isu yang dicanangkan dalam kempen serta dibualkan oleh pengundi di DUN Kajang ialah isu perletakan jawatan ADUN Kajang, isu pergolakan dalaman PKR Selangor, isu pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, isu air, isu sosial, isu pembangunan dan isu alam sekitar. Keseluruhannya, persepsi terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah positif namun pengundi mengharapkan agar isu ekonomi iaitu isu kenaikan harga barangan dan peluang pekerjaan dapat ditangani oleh pihak yang berwajib agar kehidupan mereka lebih baik. PRK DUN Kajang juga memperlihatkan pengekal 'status quo' iaitu kemenangan kepada PKR kerana impak keputusan PRU 2013 masih baru dan terkesan oleh pengundi di DUN Kajang.

Syed Arabi (2014) dalam kajian "Pengundi dan Isu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Kajang 2014" mendapati majoriti pengundi menyatakan bahawa PRK adalah wajar diadakan demi menentukan negeri Selangor tidak terjatuh ke tangan BN. Isu yang dimainkan oleh media berbeza dengan apa yang dianggap penting oleh pengundi. Bagi pengundi di DUN Kajang, mereka menganggap bahawa negara menghadapi masalah ekonomi dan jenayah. Pada peringkat kawasan, pengundi menyatakan bahawa masalah infrastruktur dan pembangunan menjadi isu utama. Dari segi kepimpinan, majoriti pengundi berpuas hati dengan Menteri Besar Selangor. Bagi soalan pemilihan parti pula mendapati bahawa responden dalam tahap pertama dan kedua menyatakan bahawa pilihan parti mereka ialah PKR.

Araf (2014) dalam artikel beliau yang dimuatkan dalam majalah Dewan Masyarakat keluaran November mengenai perantikan Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor yang baru menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyatakan rakyat Selangor sedang memerhatikan tindakan dan polisi beliau terhadap pentadbiran negeri Selangor. Antara cabaran untuk beliau atasi dengan baik, berhemah dan bijaksana ialah Belanjawan Negeri Selangor 2015, bayangan Anwar Ibrahim dalam

pentadbiran negeri Selangor, pengurusan pengaliran rizab kewangan negeri yang berjumlah kira-kira RM 3 bilion, perbelanjaan pembangunan yang berhemah, isu perjanjian penstrukturan semula air dengan Kerajaan Persekutuan, cabaran membentuk keharmonian dalam kalangan pemimpin dan ahli PKR, PAS dan DAP serta impak pengurangan jumlah EXCO PAS dalam pentadbiran beliau. Beliau perlu mentadbir mengikut acuan sendiri, bukannya dibayangi Anwar Ibrahim serta mengengap ego politik demi mewujudkan keharmonian politik, ekonomi dan sosial di negeri Selangor.

Muhammad Hazim et al. (2016) dalam kajian mengenai reaksi rakyat Selangor mengenai senario semasa politik pasca PRU 2013 menuju PRU-14 akan datang di kawasan DUN Teratai, Parlimen Pandan, Selangor mendapati bahawa isu ekonomi merupakan isu terpenting yang perlu ditangani oleh Kerajaan. Bagi isu domestik, isu gangguan bekalan air boleh menjejaskan sokongan rakyat kepada Kerajaan Selangor. Sebaliknya responden bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan Pusat yang mementingkan kebajikan rakyat seperti pemberian BR1M, rumah mampu milik, bantuan kepada pelajar sekolah dan universiti. Oleh itu, pengundi di Selangor mementingkan kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat di samping inginkan kerajaan yang telus, adil dan berintegriti.

Bagi kajian politik dan pilihan raya di Perak pula, Junaidi dan Mohd Fuad (2009); dan Junaidi et al. (2010) berpendapat Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Bukit Gantang yang diadakan pada 7 April 2009 kerana kematian penyandangannya iaitu Roslan Shaharum daripada PAS dapat dijadikan pungutan suara rakyat sama ada menerima atau sebaliknya terhadap penubuhan kerajaan baru Negeri Perak dibawah pemerintahan BN. Hasil kajian menunjukkan hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Dari segi kriteria calon pula, responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu dan India. Responden Melayu, Cina dan India bersetuju bahawa mereka tidak merestui wakil rakyat mereka berhenti dan melompat parti. Persoalan mengenai krisis perlembagaan negeri Perak memperlihatkan responden Melayu lebih cenderung menyokong Institusi Raja dan sebaliknya bagi responden Cina dan India. Ketiga-tiga kaum bersetuju Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak akan dapat menerajui pembangunan negara dengan lebih inovatif dan progresif. Kuek (2012) dalam kajian PRK Parlimen Bukit Gantang, Perak mendapati sokongan padu pengundi Cina di samping kekecewaan pengundi terhadap peristiwa rampasan kuasa kerajaan negeri Perak oleh BN menjadi faktor utama kemenangan PAS dalam PRK tersebut.

Junaidi & Mohd Fuad (2013) dalam kajian PRK kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak mendapati bahawa antara faktor-faktor penyebab BN menang di kawasan Melayu pada PRK ini ialah krisis politik dan perlembagaan di Perak. Orang

Melayu tidak setuju dengan Pakatan Rakyat kerana kritikan Karpal Singh (DAP) dan Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin (PAS) terhadap Sultan Perak kerana tindakan ini dianggap tidak menghormati Artikel 16 (6) Undang-undang Tubuh Negeri Perak iaitu Kuasa Sultan Perak dalam memutuskan perlantikan Menteri Besar Perak. Dalam hal tersebut, saman difailkan oleh pihak Pakatan Rakyat (PR) di Mahkamah Tinggi Ipoh pada hari Selasa, 10 Februari 2009 kerana perlantikan Dr. Zambry Abdul Kadir (BN) tidak sah kerana wujud 2 menteri besar dalam satu masa dan menimbulkan krisis Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak.

Sultan Azlan Shah diberi kuasa melalui Undang-Undang Tubuh Negeri Perak dan memilih Dr. Zambry Abdul Kadir (BN) sebagai Menteri Besar Perak yang baru. Ini kerana BN telah mendapat majoriti mudah dalam DUN Perak setelah 3 orang ADUN Pakatan Rakyat mengisytiharkan diri mereka sebagai ADUN Bebas menyokong BN. Orang Melayu tidak rela Sultan mereka disaman dan dipertikaikan oleh semua pihak. Pola pengundian di kawasan majoriti Cina menunjukkan pengundi Cina memberi kepercayaan kepada calon PAS yang berketurunan campuran Melayu-Cina (Mohd Nizar Jamaludin) yang juga merupakan Bekas Menteri Besar Perak daripada Pakatan Rakyat untuk mewakili mereka di kawasan masing-masing. Selain itu, pengundi Cina berpegang kepada prinsip Pakatan Rakyat yang beranggapan PRK ini sebagai sebagai referendum terhadap Barisan Nasional yang dituduh Pakatan Rakyat sebagai mengambil alih kerajaan negeri secara tidak demokratik.

Amir Hasan (2013) dalam kajian pola pengundian di Perak dalam pra PRU-13 menjelaskan bahawa adalah sukar untuk membuat ramalan parti yang bakal menang besar pada PRU-13 di Perak. Namun kemenangan parti politik yang bertanding sangat bergantung kepada faktor-faktor yang mempengaruhi corak pengundian iaitu faktor politik dalaman Perak dan juga politik kebangsaan. Amer Saifude (2013) dalam kajian pola pengundian PRK Parlimen Bukit Gantang menjelaskan bahawa kemenangan PAS dalam PRK tersebut disebabkan peristiwa semasa sosiopolitik Perak iaitu disebabkan peralihan kuasa daripada Kerajaan PR kepada Kerajaan BN-UMNO tanpa mendapat mandat rakyat yang telah mengecewakan sebilangan kelompok pengundi dan disifatkan sebagai lambang kerakusan BN-UMNO.

Junaidi et al. (2014) dalam kajian PRK Parlimen Teluk Intan mendapati secara keseluruhannya sokongan pengundi di kawasan ini dipengaruhi oleh 'pilihan rasional'. Ini kerana berdasarkan pemerhatian di lapangan melalui senario kempen dan penerimaan pengundi ketika itu menunjukkan majoriti pengundi di kawasan Parlimen Teluk Intan mengundi calon atau parti yang dapat membawa perubahan dan pembangunan yang lebih baik terutamanya pengundi daripada etnik Melayu dan India. Manifesto calon BN bagi pengundi lebih realistik kerana BN menguasai Kerajaan Negeri Perak yang berkuasa terhadap tanah dan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai



peruntukan kewangan yang besar. Tiga fokus utama calon BN (Mah Siew Keong) adalah untuk membangunkan Teluk Intan meliputi infrastruktur, pelancongan dan masyarakat setempat.

Beliau pernah menjadi Ahli Parlimen di sini tetapi nasib tidak menyebelahi beliau apabila tewas pada Pilihan Raya Umum ke-12 tahun 2008. Ketika menjadi Ahli Parlimen, banyak rancangan telah beliau buat dan sebahagian besar telah dilaksanakan. Oleh itu jika beliau terpilih kali ini, semua rancangan yang tergendala itu akan diteruskan. Sepanjang enam tahun di bawah kuasa DAP, tidak banyak yang telah dilakukan untuk pembangunan bandar ini termasuklah rakyatnya. Teluk Intan telah jauh ketinggalan dalam pembangunan. Infrastruktur asas seperti jalan raya dan kebersihan terus diabaikan akibat tiada kerjasama di antara pihak berkuasa tempatan dan Ahli Parlimen. Dari sudut pelancongan, beliau menyimpan hasrat untuk memastikan Menara Condong Teluk Intan disenaraikan sebagai tapak warisan dunia UNESCO dan ini hanya akan dapat dilakukan jika beliau terpilih sebagai Ahli Parlimen Teluk Intan.

Selain itu, lebih banyak pusat komuniti akan dibina di setiap kampung dan taman perumahan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di Teluk Intan. Pusat-pusat komuniti ini akan memudahkan interaksi lebih mesra dengan rakyat selain memenuhi keperluan semua penduduk. Untuk generasi muda, lebih banyak zon internet tanpa wayar akan disediakan untuk menggalakkan lebih ramai anak muda yang celik internet bagi merapatkan jurang di antara kawasan bandar dan luar bandar. Perkara-perkara lain yang menjadi intipati dalam manifesto beliau ialah memantapkan seterusnya melakukan transformasi industri lokal iaitu pertanian dan IKS, merancang pembinaan kompleks sukan bersepadu di Changkat Jong dan Pasir Bedamar, menambah gelanggang futsal 1 Malaysia, sebuah universiti untuk Teluk Intan, rumah mampu milik melalui PR1MA dan bekalan air serta saluran yang mantap. Janji atau manifesto beliau tersebut diyakini pengundi seterusnya mendapat kepercayaan pengundi dalam PRK Parlimen Teluk Intan yang lalu dengan kemenangan kepada BN. Reema (2014) dalam kajian PRU-13 di kawasan Parlimen Lumut, Perak menjelaskan bahawa kemenangan calon Melayu PKR di kawasan tersebut disebabkan sokongan pengundi Melayu kepada calon tersebut kerana calon BN adalah daripada etnik Cina.

Siti Noranizahhafizah & Jayum (2016) dalam kajian keputusan PRU 2013 di negeri Perak menjelaskan bahawa pada PRU 2013 yang lalu, BN menang di negeri Perak dengan kedudukan yang sengit seperti PR pada PRU 2008. Kedudukan ini dilihat agak goyah kerana sekiranya berlaku perubahan kedudukan beberapa kerusi, parti yang pemerintah boleh jatuh seperti yang berlaku kepada PR selepas PRU 2008. Pada bila-bila masa krisis politik yang berlaku pada tahun 2009 boleh berulang dan memihak kepada PR pula. Secara keseluruhannya, PR sememangnya bertambah kuat berbanding PRU 2008, namun masih ada lagi kerusi yang belum boleh ditembusi PR dan masih lagi

mampu dikuasai dengan mudah oleh BN. BN pula dilihat semakin hilang sokongan di kawasan majoriti pengundi Cina. PR pula perlu memantapkan lagi permuafakatan antara parti yang bernaung di bawah pakatan tersebut khususnya persefahaman tentang pembahagian kerusi. Selain daripada Terengganu yang dimenangi BN dengan majoriti tipis dan mengakibatkan berlakunya kegoyahan pemerintahan, Perak kekal menjadi sebuah lagi negeri yang berpotensi untuk terlibat dalam krisis politik.

## **ISU-ISU**

Terdapat dua isu yang menjadi kebiasaan dalam kempen setiap kali berlangsungnya sesuatu pilihan raya iaitu isu nasional dan isu tempatan. Pasca PRU 2013 menyaksikan isu nasional yang dicanangkan oleh parti-parti politik yang bertanding ialah isu 1MDB, isu GST, serta isu tadbir urus Kerajaan Persekutuan manakala isu-isu tempatan atau isu-isu 'kampung' adalah isu infrastruktur seperti masalah keadaan jalan; infrastruktur fasiliti seperti sekolah, balai raya, kemudahan sukan, surau dan masjid; isu kos sara hidup seperti hasil pendapatan dan pekerjaan.

Bagi isu di kawasan Parlimen Sungai Besar, antara isu yang menjadi bualan pengundi ialah isu pendidikan bagi golongan belia. Selain pendidikan asas yang disediakan, pengundi mendakwa sejak sekian lama hanya Pusat GiatMara yang dilihat sebagai pilihan belia di Parlimen itu. Jelas mereka, kolej komuniti dan politeknik yang berada di daerah tersebut pula diisi pelajar luar yang akhirnya tidak menyumbang balik kepada belia di situ. Selain peluang pendidikan atau program latihan berterusan untuk golongan tersebut, Parlimen itu juga memerlukan kawasan perindustrian yang menawarkan peluang pekerjaan, hasil tarikan pelaburan luar ke daerah itu. Dengan kewujudan perkara seumpamanya, belia di daerah itu tidak hanya akan merancarkan sektor pertanian yang sudah mula diceburi golongan itu, malah akan lebih berdaya saing untuk pembangunan sahsiah diri. Penekanan kepada isu belia ini dilihat tidak hanya refleksi pada sesebuah daerah malah negeri secara keseluruhan tanpa sebarang pilih kasih.

Bagi isu hartanah dan nasib nelayan, penduduk Sungai Besar bertambah dari tahun ke tahun dan tentunya hal memiliki kediaman menjadi perkara penting dalam senarai mereka. Dalam isu projek perumahan, timbul rengusan dalam kalangan penduduk setempat yang resah mengenai harga rumah yang tinggi. Penduduk mendakwa harga RM300,000 hingga RM400,000 bagi sebuah rumah adalah tidak sepadan dengan pendapatan penduduk dan mendakwa harga terbabit diletakkan atas keputusan kontraktor dan bukannya kerana nilai tanah yang tinggi. Isu nelayan Melayu juga perlu dititikberatkan dan ia bukanlah isu baharu. Perlu dilihat siapa peraihinya, bagaimana perbezaan harga jika nelayan bukan dari kalangan kumpulan peraih. Di pasar, perlu juga dilihat secara keseluruhan prosesnya yang bermula dari peraih,

pemborong hinggalah kepada peruncit dan peniaga. Isu pengagihan kawasan memukat ikan di laut turut disuarakan penduduk yang akhirnya menjuruskan kepada soal kesamarataan. Secara keseluruhan, kesemua isu yang dibangkitkan hanyalah menyentuh di permukaan isu sebenar yang dibangkitkan penduduk. Sebagai cadangan, calon-calon yang bertanding juga perlu dekati golongan petani dan pesawah yang selama ini keluhan mereka mungkin terlepas pandang.

Bagi isu-isu di kawasan Parlimen Kuala Kangsar pula, sejak kempen bermula 5 Jun, parti atau calon yang bertanding dalam PRK Parlimen Kuala Kangsar yang berhadapan BN seolah-olah ketandusan idea dan tiada kedengaran parti lawan mengetengahkan sebarang isu ‘janji manis’ pembangunan di kawasan Parlimen ini yang gagal dilakukan BN. Sebaliknya, Parti Amanah Negara (Amanah) dilihat terlalu bergantung kepada sekutu mereka dalam Pakatan Harapan iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP, dengan mengulang-mengulang skrip sama yang dicanang oleh kedua-dua parti itu. Tanpa memberi perhatian dan membangkitkan isu-isu kepentingan penduduk setempat, parti pembangkang lantang melaung-laungkan isu nasional seperti Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan dana RM2.6 bilion pada setiap kempen mereka. PAS dilihat kekal komited dengan isu hudud mereka ketika berkempen. Calon Bebas iaitu Izat Bukhary Ismail Bukhary yang turut mencuba nasib dalam PRK ini pula hanya memanasakan suasana apabila mengeluarkan kenyataan bahawa golongan wanita tidak boleh menggalas tugas sebagai pemimpin, suatu kenyataan yang hanya memperkecilkan kaum hawa.

Sikap menyalahkan kerajaan dalam isu pembangunan dilihat sebagai cara mudah untuk menarik perhatian atau mendapat sokongan rakyat dan pengundi sewaktu kempen pilihan raya, walaupun banyak usaha giat dilakukan Kerajaan BN. Situasi yang menjadi kebiasaan itu tidak berlaku dalam kempen PRK Parlimen Kuala Kangsar kali ini, malah tiada langsung cadangan daripada parti lawan BN untuk usaha dan agenda pembangunan yang akan dilakukan jika mereka menang. Hakikatnya di Parlimen Kuala Kangsar, tiada masalah dalam isu pembangunan, malah kerajaan Persekutuan dan Negeri Perak sentiasa memastikan Parlimen itu dan dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Manong dan Bukit Chandan terus maju dan rakyat hidup sejahtera. Sewaktu awal kempen ada usaha pihak tertentu membangkitkan isu pembinaan Jambatan Manong tetapi ia menjadi cerita lapuk apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini meluluskan peruntukan RM43.5 juta bagi pembinaan jambatan itu menyeberangi Sungai Perak, yang menghubungkan Kampung Seberang Manong ke Pekan Manong. Adakah usaha keras BN di Parlimen Kuala Kangsar selama ini dan masih berterusan berjaya menenggelamkan pihak pembangkang dan memberi keyakinan pada pengundi bahawa hanya BN sahaja mampu membawa pembangunan kepada rakyat?

Menelusuri kemajuan pembangunan di kedua-dua DUN dalam Parlimen Kuala Kangsar tidak dinafikan usaha kerajaan negeri dan Persekutuan membuahkan impak pembangunan membanggakan. Penduduk di kawasan berkenaan ternyata menikmati limpahan manfaat termasuk daripada aspek pendidikan, sosial serta ekonomi. Projek terbaru yang siap dilaksanakan di DUN berkenaan adalah Dataran Amanjaya Manong dengan peruntukan RM2.5 juta. Kerajaan negeri juga telah meluluskan RM800,000 untuk membangunkan kawasan pesisiran sungai di Manong sebagai kawasan rekreasi. Selain itu, perancangan sedang dibuat untuk membangunkan rumah mampu milik bagi generasi kedua di Kampung Manong dan Guar Manong selain membaik pulih jalan raya terutama di Jalan Manong-Kuala Kangsar.

Tidak ketinggalan, DUN Bukit Chandan turut menikmati limpahan pembangunan terutama dalam aspek pendidikan. Kerajaan Persekutuan membeli tanah seluas 20 hektar bagi membina tiga sekolah di DUN itu, masing-masing Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan SMK Agama. Proses pembelian tanah telah selesai dan peruntukannya akan diperolehi tidak lama lagi. Pembinaan ini bagi memenuhi tuntutan komuniti di Bukit Chandan yang semakin bertambah. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk membina jambatan kedua di Sungai Cermin demi kepentingan dan keselamatan pengguna jalan raya. Bagi memberi nafas baharu kepada kawasan lembah Kuala Kangsar, Pejabat ADUN Bukit Chandan bersama Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) merancang untuk membangunkan kawasan itu sebagai taman tema air. Ia masih dalam peringkat perbincangan dan pelan perancangan itu telah dikemukakan kepada pihak berkuasa dan pimpinan tertinggi untuk peruntukan. Kemudahan seperti dewan, masjid dan surau sudah dilaksanakan. Selain itu, bilik kecemasan di Hospital Kuala Kangsar akan dinaik taraf melibatkan kos kira-kira RM7 juta manakala perancangan untuk membina sebuah lagi klinik kesihatan di Kuala Kangsar turut mendapat kelulusan dan pembinaannya diunjur menelan kos RM30 juta.

Bagi orang luar yang berkunjung ke Parlimen Kuala Kangsar, mereka akan melihat sendiri bahawa aspek kemudahan dan infrastruktur di Kuala Kangsar bukanlah satu isu besar. Jika ada yang berpendapat terdapat kekurangan dalam soal pembangunan, ia bukan bermakna tiada usaha daripada kerajaan, tetapi kerana agenda pembangunan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sewaktu dalam lawatan ke Parlimen Kuala Kangsar baru-baru ini berkata kemenangan calon BN dalam PRK Parlimen Kuala Kangsar akan meneruskan kelangsungan pembangunan di kawasan itu. Katanya kerajaan sentiasa mendengar keluh-kesah penduduk kawasan itu, namun mereka perlu secara nyata membuktikan sokongan kepada kerajaan bagi menjayakan pelbagai program yang dirancang.

## **KEPUTUSAN**

BN mengekalkan kemenangan di Parlimen Sungai Besar dengan majority yang meningkat kepada 9,191 undi. Calon BN (UMNO) iaitu Budiman Mohd Zohdi, 44 tahun memperoleh 16,800 undi; calon AMANAH iaitu Azhar Abdul Shukur mendapat 7,609 undi; manakala calon PAS iaitu Dr. Abdul Rani Osman memperoleh 6,902 undi. BN juga berjaya mengekalkan status quo di Parlimen Kuala Kangsar apabila Datin Mastura Yazid, 55 tahun (UMNO-BN) menang dengan memperoleh 12,653 undi menewaskan Dr Najihatussalehah Ahmad, 50 tahun (PAS) dengan 5,684 undi; Dr. Ahmad Termizi Ramli, 61 tahun (AMANAH) dengan 4,883 undi; dan Izat Bukhary Ismail Bukhary (BEBAS) yang hanya mendapat 54 undi. Majoriti yang dimenangi calon BN ialah 6,969 undi.

## **FAKTOR KEMENANGAN BN DAN KEKALAHAN PARTI PEMBANGKANG: IDENTIFIKASI PARTI DAN POLITIK PEMBANGUNAN SERTA FAKTOR-FAKTOR LAIN**

Terdapat beberapa faktor yang memberi kemenangan kepada BN seterusnya kegagalan parti pembangkang yang dirangkumkan secara menyeluruh. Namun terdapat 2 faktor utama yang mempengaruhi sokongan pengundi secara majoritinya kepada BN iaitu faktor identifikasi parti dan sentimen politik pembangunan. Sepertimana sedia maklum, kawasan Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar merupakan kubu kuat BN yang dikuasai parti pemerintah Kerajaan Pusat tersebut sejak sebelum merdeka (1955) hinggalah PRU 2013. Pengundi di kedua-dua kawasan tersebut mempunyai identifikasi parti iaitu sokongan kepada PERIKATAN/BN sejak turun temurun sama ada kerana faktor pengaruh ataupun ikutan kekeluargaan mahupun semangat perkauman Melayu yang kuat. Dalam beberapa pertemuan dengan pengundi di kedua-dua kawasan tersebut, mereka menyatakan akan terus mengundi BN walau apapun isu dan sesiapa pun calon kerana mereka setia dengan parti yang didokong dan bergantung harap parti tersebut di samping mereka beranggapan bahawa hanya BN/UMNO yang dapat memperjuangkan nasib dan hak orang Melayu daripada diganggu-gugat oleh bangsa dan pemimpin asing.

Identifikasi parti merujuk ikatan dan kesetiaan kepada parti dan atas dasar inilah maka sesuatu parti dipilih dalam pilihan raya. Kesetiaan itu pula melalui proses sosialisasi politik iaitu proses yang menurunkan dan menamakan nilai dan normal daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Oleh kerana adanya penurunan nilai itu. Maka terdapat kecenderungan parti yang disokong oleh anak adalah sama parti ibu-bapa mereka. Oleh itu menurut Campbell et al. (1960) lebih lama seseorang telah mengidentifikasi dengan sesuatu parti maka kesetiannya kepada parti berkenaan semakin kuat.

Teori Identifikasi Parti paling popular dalam mentafsir tingkah laku mengundi pada tahun 1950-an dan 1960-an. Di kebanyakan negara demokrasi liberal, kestabilan dan perubahan yang menjadi ciri tingkah laku pengundi dan pelbagai tinjauan telah menunjukkan tahap ketaatan yang tinggi kepada parti politik yang tertentu. Identifikasi lahir daripada perlakuan sebenar pengundi dan ia stabil jika tiada tekanan jangka pendek atau isu-isu besar. Walaupun demikian, pada tahun 1980-an jelas menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi yang berasaskan ketaatan kepada parti politik bukan merupakan penjelasan yang meyakinkan. Ahli sains politik kini memperkatakan penyisihan partisan, iaitu ketaatan ataupun pertalian yang erat kepada parti tertentu sudah merosot.

Menurut Butler dan Rose (1957), teori ini cuba menghuraikan hubungan taat setia yang berterusan terhadap sesebuah parti sehingga pengundi mengidentifikasikan dirinya dengan parti berkenaan walaupun ia mungkin tidak pernah menjadi ahli parti yang disokong itu. Sikap mengsosialisasikan diri dengan sesebuah parti ini terbina oleh beberapa faktor, antaranya adalah peranan yang dimainkan oleh keluarga dan persekitaran sosial seseorang. Unsur imej dan rasa lebih hampir dengan sesebuah parti politik akan membentuk sikap identifikasi parti dan seterusnya mempengaruhi corak perlakuan pengundi.

Menurut Riley (1988), ketaatan politik terhadap sesebuah parti banyak ditentukan oleh persekitaran seseorang itu dibesarkan dan dididik. Proses pendidikan ini akan mengakibatkan terbinanya imej-imej tertentu dalam minda seseorang individu dan imej-imej ini akan dikaitkan dengan institusi dan parti-parti politik tertentu. Dalam konteks ini, imej sesebuah parti lebih mempengaruhi sikap terhadap parti dan penentuan pilihan mengundi berbanding dengan dasar yang dibawa oleh parti berkenaan.

Menurut Mckay (1993), identifikasi parti dan fenomena ketaatan terhadap sesebuah parti politik bermula sejak zaman kanak-kanak dan seterusnya kekal hingga sepanjang hayat. Menurut Harrigon (1987), tingkah laku mengundi seseorang akan didorong oleh pengaruh jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka pendek, perlakuan mengundi akan ditentukan oleh isu dan daya tarikan calon. Apabila kedua-dua unsur ini dicantumkan dengan identifikasi parti, maka pilihan pengundi akan menjadi semakin mudah dilihat kecenderungannya. Namun Harrigon menegaskan bahawa dalam jangka panjang, corak pengundian akan ditentukan oleh identifikasi parti, agama, kaum dan kelas masyarakat. Staber (1987) turut menegaskan bahawa dalam model identifikasi parti klasik, isu politik hanya dapat mempengaruhi pengundi dengan kadar yang minimum sekali (Ahmad Fawzi et al. 1995).

Budge et al. (1976) mengandaikan bahawa kebanyakan pengundi merasakan kemestian untuk mengundi parti yang diwarisi dari keluarga mereka. Perasaan ini tetap kekal sepanjang hayat mereka tanpa mengira kepimpinan parti. Walau bagaimanapun

sebilangan pengundi yang bertukar identifikasinya adalah disebabkan kurangnya pengaruh keluarga, perbezaan dengan kumpulan terdekat, kelas sosial, ekonomi dan politik. Parti politik boleh didefinisikan sebagai kumpulan dalam negeri yang ahli-ahlinya bergabung untuk menguasai pemerintahan dan memerintah sesebuah negara. Definisi parti politik berdasarkan kepada tujuh perkara iaitu:

1. Aktor sebagai pemimpin parti
2. Tindakan atau aktiviti dalam parti
3. Tujuan sebagai contoh parti untuk menguasai negara
4. Lapangan
5. Menyenaraikan fungsi fungsi eksekutif
6. Meringkaskan struktur-strukturnya
7. Kegiatan yang dimainkan oleh parti

Menurut Sigmund Neuman, parti politik sebagai organisasi yang berkaitan dengan organisasi politik, masyarakat perantaraan, sesiapa yang mempunyai kaitan dengan kawalan kuasa, kerajaan dan sesiapa yang bertanding untuk mendapatkan sokongan dari kumpulan lain. Dalam definisinya, beliau menekankan organisasi dimana organisasi ini direka untuk menguasai kerajaan dan bertanding dengan kumpulan lain. Berbeza pula dengan Carl Friedrich yang mengatakan bahawa parti politik adalah satu kumpulan manusia yang menjalankan satu ketetapan keselamatan atau menetapkan pemimpin kerajaan dengan dengan ketetapan yang lain untuk ahli-ahli politik dalam parti melalui kawalan.

Selain dari fungsi, parti politik mempunyai sifat kepartian. Di antaranya adalah asas organisasi yang membentangkan pertalian yang mengikat ahli-ahli dalam sesebuah parti. Asas organisasi dapat dapat dibahagikan kepada empat jenis pertalian. Asas pertama adalah sosioekonomi yang boleh digabungkan dengan pertalian ideologi. Pertalian ini terdapat di negeri yang mempunyai ekonomi maju. Ia bergabung atas dasar kesedaran yang menitik beratkan pada kelas iaitu bangsa, pekerjaan, loghat dan sebagainya. Bagi asas kedua pula adalah pertalian idologi. Pertalian ini mementingkan kepada satu- satu kepercayaan. Perkara ini banyak terdapat di negara yang membenarkan kewujudan parti komunis dan sosialis. Sebagai contohnya di India, idologi komunis dan sosialis dapat menghapuskan perkauman (kasta) dan di Itali pula parti komunis mempengaruhi kerajaan tetapi tidak dapat menguasainya. Ini telah menukarkan sistem yang sedia ada kepada memperjuangkan hak-hak asasi pekerja. Asas yang ketiga pula ialah penaung pelanggan.

Model Michigan (Identifikasi Parti) telah diperkenalkan oleh sekumpulan pengkaji daripada University of Michigan di Amerika semasa mereka melakukan kajian semasa pilihan raya Presiden Amerika sejak tahun tahun 1948 lagi. Dapatan dan analisa

kajian tersebut kemudiannya dibukukan oleh Campbell dan Khan (1952) melalui *The People Elect at President*. Hasil dapatan kajian pilihan raya Presiden pada 1952 pula dibukukan oleh Campbell, Gurin dan Miller (1954) melalui *The Voter Decides* manakala buku *The American Voter* adalah hasil kajian dalam pilihan raya tahun 1956 yang lebih komprehensif. Buku ini ditulis bersama oleh Campbell, Miller dan Stokes (1960).

Kajian lapangan yang dilakukan Campbell dan rakan-rakan beliau telah dibuat melalui Survey Research Centre di University of Michigan. Kini pusat berkenaan dikenali dengan American National Electoral Studies (ANES) merupakan satu pusat setempat kajian pilihan raya nasional yang sering menjalankan kajian pendapat awam di Amerika. Campbell et al. (1960) membuat kesimpulan bahawa pengundi tidaklah membuat pengundian secara rasional iaitu selari dengan apa yang mereka mahukan. Mereka berpendapat bahawa sebahagian pengundi tidak mempunyai maklumat dan kepekaan politik yang tinggi untuk membuat pilihan yang terbaik melalui peti undi. Mereka dapati pengundi mempunyai kesetiaan yang berpanjangan terhadap sesuatu parti seterusnya mempengaruhi sikap dan tingkah laku politik di samping berterusan mengundi parti berkenaan setiap pilihan raya diadakan.

Sehubungan itu, Campbell dan rakan-rakan telah memperkenalkan satu teori berasaskan psikologi iaitu teori identifikasi parti. Teori ini beranggapan bahawa seseorang pengundi itu memilih sesuatu calon dan parti adalah berasaskan ikatan dan kesetiaan seseorang itu terhadap parti tersebut. Kadar ikatan dan kesetiaan ini menurut teori ini, semakin lama seseorang itu mengundi, semakin kuat ikatan dan kesetiaan terhadap parti yang dipilihnya. Ikatan dan kesetiaan ini dibentuk melalui pelbagai kaedah dan cara. Antara yang paling popular menurut Campbell dan rakan-rakan ialah proses sosiolisasi politik melalui keluarga. Sebagai contoh, jika ibu bapa adalah merupakan penyokong kuat Parti Demokrat, maka kebiasaannya pendirian politik mereka akan diwarisi oleh anak-anak mereka.

Dalam teori identifikasi parti, terdapat tiga pemboleh ubah utama iaitu parti, calon dan isu. Menurut Campbell, selain pemboleh ubah parti yang menjadi asas kepada teori identifikasi parti, dua faktor lain yang turut mempengaruhi tingkah laku pengundi adalah pemboleh ubah calon dan isu. Kedua-dua faktor ini menurut beliau adalah hanya merupakan faktor jangka masa pendek sahaja dan tidak menjejaskan kesetiaan dan identifikasi seseorang pengundi ke atas parti berkenaan. Bilangan yang mengundi di atas dua faktor ini adalah kecil sahaja kerana sebahagian besarnya akan terus setia mengundi sesuatu parti.

Faktor kedua pula ialah sentimen politik pembangunan pengundi. Politik pembangunan ini dibawa oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang dikuasai BN.



Pengundi di kedua-dua kawasan masih memerlukan pembangunan terutamanya pembangunan infrastruktur/fizikal yang dari segi logistiknya kawasan ini terletak di kawasan luar bandar. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa pentadbiran dan dana/kewangan mempunyai kelebihan untuk membangun dan memajukan sesuatu kawasan. Pengundi di kedua-dua kawasan yakin dengan pengalaman dan kemampuan BN sebagai penyandang di kedua-dua kawasan sejak 13 penggal yang lalu dan merasa 'sudah selesa' dengan pemerintah yang sedia ada. Mereka tidak yakin dengan parti selain BN di samping bimbang keadaan sosioekonomi dan keamanan akan tergugat jika memberi peluang kepada parti pembangkang untuk menguasai kawasan-kawasan tersebut. Politik pembangunan merupakan perkara utama dalam kemajuan sosioekonomi sesuatu kawasan, terutamanya di kawasan mundur di bahagian pedalaman. Politik pembangunan dapat difahami melalui projek pembangunan fizikal dan modal insan yang memberi faedah yang tersirat kepada rakyat antaranya ialah meningkatkan pendapatan rakyat, menambahkan peluang pekerjaan, menambahkan peluang perniagaan, menaikkan taraf ekonomi rakyat, meningkatkan taraf pendidikan serta pemikiran dan juga pelbagai-bagai lagi faedah yang bakal diterima oleh rakyat sekiranya pembangunan berada di kawasan mereka. Politik pembangunan juga berkait rapat dengan Teori Pilihan Rasional yang menjadi faktor sokongan pengundi kepada parti politik.

Teori pilihan rasional ataupun Rational Choice telah diperkenalkan oleh Anthony Downs (1957) dalam karyanya "An Economic Theory of Democracy". Beliau menamakan pilihan politik dengan pilihan ekonomi. Menurutnya dalam pasaran ekonomi seseorang pengguna akan membandingkan barang-barang pengeluaran dari segi harga barang dan seterusnya membuat pilihan untuk membeli berdasarkan nilai wang sesuatu barang. Dalam membuat pilihan dalam pilihan raya, lazimnya pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat-maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan itu.

Dalam mengemukakan pendekatan ini, beliau telah membangkitkan beberapa andaian asas. Andaian pertama ialah dorongan parti iaitu pemimpin akan menyesuaikan matlamat misinya demi memenuhi kehendak pengundi. Ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan terhadap sesuatu parti yang dipilih. Andaian asas kedua ialah kerasionalan rakyat iaitu pengundi akan berusaha memaksimumkan kepuasan mereka dari segi material melalui pemberian undi kepada parti atau calon yang dipercayai dapat menunaikan janji. Andaian-andaian ini akan menjejaskan bahawa pengundi adalah bersikap rasional kerana mereka menilai pelbagai alternatif yang diperoleh kepada mereka dari segi kos dan faedah sebelum membuat sesuatu pilihan. Faedah pengundi turut berkait dengan proses pilihan raya dan pengundian yang melambangkan amalan demokrasi di sesebuah negara. Secara umumnya, teori atau pendekatan ini mungkin

membenarkan kemasukan aspek-aspek ketaatan dan pendekatan sosiologi ke dalam penjelasannya walaupun tidak besar. Keadaan ini disebabkan oleh kehendak seseorang pengundi dipengaruhi oleh keadaan semasa.

Teori Pilihan Rasional merupakan model yang terawal, mudah dan paling banyak pengaruhnya. Model ini mengandaikan bahawa pengundi bersikap rasional apabila membuat pilihan mereka dalam pilihan raya. Mereka akan meneliti jangkaan-jangkaan faedah yang diperoleh melalui tindakan mengundi. Jangkaan-jangkaan faedah ini diperoleh berdasarkan polisi-polisi yang dirancang oleh sesuatu parti. Mereka seterusnya akan menentukan alternatif yang paling disukai dan bersesuaian dengan keutamaan mereka. Menurut Downs (1957), manusia yang terlibat dalam politik akan membuat pemikiran secara rasional untuk mencapai kehendak dan kepuasan maksimum. Pilihan politik disamakan dengan pilihan ekonomi. Seorang pengguna akan membandingkan sesuatu barangan itu dari segi kos dan kualiti dan juga dari segi kos dan barangan (Johnston 1979: 82). Ini bermakna bahawa, dalam membuat pemilihan politik, pilihan pengundi adalah berdasarkan maklumat dan pengetahuannya dalam sesuatu pilihan dan akan memberikan undinya kepada parti politik yang dapat memuaskan kehendaknya sebagai pengundi.

Pengundi biasanya akan memutuskan secara rasional mengenai prestasi dan janji calon sebelum pembuangan undi dijalankan. Mereka juga menilai prestasi dan janji parti apabila menentukan pilihan yang akan dilakukan. Malahan prestasi atau janji calon ataupun parti mungkin tidak dihiraukan sekiranya prestasi Kerajaan adalah lebih baik dan bernilai. Dalam konteks inilah keadaan sekiranya ekonomi negara kukuh dan memberangsangkan, maka Kerajaan yang memerintah mempunyai peluang yang cerah untuk memenangi pilihan raya.

Downs (1957) menegaskan bahawa terdapat lima kriteria bagi manusia yang rasional pilihan. Kriteria-kriteria tersebut ialah:

- i. Seseorang itu dapat membuat keputusan apabila berdepan dengan pelbagai alternatif
- ii. Seseorang itu dapat menyusun alternatif mengikut keutamaan pilihan raya
- iii. Susunan pilihan raya tersebut adalah bersifat transitif
- iv. Seseorang itu sentiasa memilih alternatif yang dapat dicapai mengikut senarai pilihan raya
- v. Seseorang itu sentiasa membuat keputusan yang sama pada setiap masa dia berhadapan dengan alternatif yang serupa

Downs turut menggariskan tiga cara pengundian yang dilakukan oleh seseorang yang rasional. Pertama, ia akan menilai hasil atau faedah yang diperolehi daripada aktiviti Kerajaan yang sedia ada dengan hasil atau faedah yang mungkin diperolehinya

jika parti pembangkang mengambilalih pemerintahan. Kedua, dalam sistem pelbagai parti, seseorang pengundi itu akan cuba menilai pilihan pengundi lain dan kemudiannya akan bertindak seperti berikut:

- i. Menyokong parti yang mempunyai peluang baik untuk menang
- ii. Jika parti pilihannya tiada peluang yang baik untuk menang, ia akan memilih parti yang seterusnya yang mempunyai peluang baik untuk menang
- iii. Jika parti alternatif tidak mempunyai peluang menang, ia akan memilih parti kesukaannya supaya parti ini mempunyai peluang yang lebih pada pilihan raya yang akan datang. Dalam konteks ini pengundi akan bersikap “future-oriented voter”

Cara ketiga ialah jika pengundi tidak dapat membuat pilihan daripada mana-mana parti dalam sistem pelbagai kerana pilihan parti Kerajaan yang baik adalah hampir-hampir seimbang, maka ia akan bertindak untuk tidak membuang undi sekiranya tiada jalan penyelesaian; ataupun parti pemerintah jika rekodnya baik dan mengundi parti pembangkang jika rekod pemerintah kurang baik. Jika rekod pemerintah tidaklah begitu baik, maka mereka tidak akan turun mengundi. Dalam sistem dua parti, pilihan raya menjadi lebih mudah kerana ia akan memilih parti yang lebih disukainya.

Menurut Riley (1988), populariti seseorang calon yang bertanding semasa pilihan raya adalah tidak begitu penting dalam teori ini. Sebaliknya yang menjadi pengukurnya ialah sejauhmanakah seseorang calon itu dapat menyakinkan pengundi tentang isu-isu serta dasar-dasar yang diperjuangkannya (Ahmad Fawzi 1995). Tegasnya, teori pilihan rasional ini lebih menekankan kepada aspek tingkahlaku individu dalam mencapai kepuasan dan kepentingannya. Oleh yang demikian, tingkah laku secara kolektif dalam pengundian sukar untuk dicapai kecuali pilihan kebanyakan individu kebetulan selari dan sama. Selain itu, rekod parti pemerintah serta persepsi terhadap jangkaan faedah yang mungkin diperolehi jika pembangkang menang juga mempunyai pengaruh yang signifikan dalam perlakuan mengundi. Justeru itu, dimensi ekonomi dalam politik dan pilihan raya dikatakan mempunyai kesan dan pengaruh yang amat besar dan penting. Maka, tidaklah menghairankan apabila setiap parti politik yang bertanding khususnya dalam masyarakat yang telah maju atau sedang menuju kemodenan amat menitikberatkan persoalan program dalam manifesto dan pakej pilihan raya mereka. Permis teori ini ialah pengundi yang rasional akan memilih pakej ekonomi yang paling banyak membawa keuntungan kepadanya (Ahmad Fawzi 1995).

Reynolds (1979) menganggap pengundi berkelakuan seperti pengguna. Beliau menyatakan terdapat dua kelompok perlakuan pengguna yang ekstrim. Pertama merupakan kelompok pengguna yang sering berubah fikiran atau berfikiran tidak

kukuh. Apa yang mereka lakukan untuk hari ini tidak ada kaitan langsung dengan apa yang dikehendaki untuk esok. Dalam keadaan sebenar, ramai pengundi berkelakuan sebegini kerana dipengaruhi oleh faktor keluarga, persekitaran sosial, isu yang dibangkitkan dan faktor peribadi calon. Kelompok pengguna yang kedua merupakan kelompok yang efisien dan mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai sasaran yang hendak dicapainya. Kelompok ini dikatakan sebagai pengguna yang rasional. Kerasionalan ini mendorong mereka melakukan satu pemilihan yang efisien. Antara prinsip yang tergolong dalam kerasionalan ini adalah seperti berikut:

- a) Pengguna mengenalpasti apakah sasaran mereka seperti keselamatan pada masa hadapan, melindungi diri daripada segala gejala yang buruk dan menjaga kedudukan mereka dalam komuniti. Mereka dikatakan sebagai pengguna yang “mengetahui apa yang mereka kehendaki”
- b) Pengguna mengetahui manfaat yang diperoleh hasil dari pemilihan tersebut. Ini mencorakkan pengundian di Malaysia di mana para pengundi mengundi sesuatu parti politik kerana faktor-faktor tertentu seperti pembangunan dan kemajuan sesuatu kawasan
- c) Pengguna akan menggunakan segala pengetahuannya di pasaran dalam memaksimumkan kepuasan atau keinginan mereka

Walau bagaimanapun, terdapat juga pengguna (pengundi) yang tidak kukuh pendiriannya, maka mereka akan memilih sesuatu yang “baru” di pasaran berbanding dengan barangan yang “lama” (Koutsoyiannis 1987). Terdapat juga pengguna (pengundi) yang berpengetahuan cetek akan dipengaruhi dengan isu-isu dan iklan-iklan yang disiarkan. Golongan ini tidak tahu apa yang dibeli dan yang dipilih. Malah golongan ini akan membeli dan memilih sesuatu yang selalu dibeli olehnya tanpa pemilihan yang lebih rasional (Laidler dan Estrin 1989: 49).

Pengemuka model Downs adalah seorang ahli ekonomi iaitu Anthony Downs (1957) melalui bukunya yang terkenal, *An Economic Theory of Democracy*. Model ini lebih dikenali dengan teori pilihan rasional dengan premis bahawa pengundi akan memilih sesuatu parti dan calon berasaskan keuntungan yang akan didapatinya hasil daripada pilihan tersebut. Downs menerangkan bahawa pengundi akan membuat perbandingan antara mengekalkan parti pemerintah sedia ada atau memilih parti pembangkang untuk dijadikan kerajaan mereka yang baru. Asas pilihan ini adalah berdasarkan pengundi mempunyai maklumat tentang isu-isu dasar dan polisi parti-parti yang bertanding dan membuat perbandingan secara rasional untuk memilih parti yang mendatangkan faedah dan keuntungan lebih kepada mereka.

Seterusnya model ini juga membuat andaian bahawa sekiranya pengundi merasakan pengundian tersebut tidak akan mendatangkan sebarang faedah dan keuntungan kepada mereka, maka mereka tidak akan keluar mengundi. Andaian ini

berdasarkan pertimbangan ekonomi iaitu pengundi tidak akan mengeluarkan kos sama ada dalam bentuk masa, tenaga atau wang untuk mengundi sekiranya mereka merasakan pengundian tersebut tidak mampu memberikan mereka faedah dan keuntungan yang lebih besar daripada kos tersebut.

Terdapat juga faktor-faktor lain yang menyebabkan BN menang dan parti pembangkang tewas dalam kedua-dua PRK tersebut iaitu antaranya ketidaksepakatan parti pembangkang untuk mengelakkan pertandingan 3 penjur. Sebaik sahaja selesai hari penamaan calon, berlaku pertandingan 3 penjur di Sungai Besar dan 4 penjur di Kuala Kangsar iaitu antara BN dengan PH dan PAS serta calon Besar di Kuala Kangsar. Pertembungan ini menyebabkan berlakunya perpecahan/split undi antara kedua-dua parti pembangkang yang menyebabkan BN menang sama ada dengan dengan majoriti yang lebih besar. Pertandingan sesama parti pembangkang juga menyebabkan pengundi 'keliru' seterusnya mengundi BN, membuat undi rosak atau tidak mengundi. Justeru, ini memberi kelebihan kepada BN untuk menang dengan lebih selesa di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Faktor seterusnya ialah kekuatan jentera kempen BN. Sesuai dengan BN yang memerintah negara ini sejak 13 penggal yang lalu menjadikan parti tersebut berpengalaman dalam membangunkan Sarawak seterusnya berjaya membina dan membentuk 'jentera' di peringkat yang paling mikro iaitu kampung. Pengundi akan patuh dan mengikut 'jentera' atau jawatankuasa kampung di kawasan pedalaman. Ini memudahkan BN untuk mendapat undi 'solid' di kawasan luar bandar dengan pergantungan pengundi kepada sumber maklumat politik daripada media arus media perdana yang dikuasai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat yang memudahkan BN untuk mendapat sokongan padu daripada kawasan berkenaan.

Faktor seterusnya ialah mindset pengundi Melayu bahawa Parti PAN Proksi DAP Orang Melayu melihat PAN adalah proksi DAP. Mengundi PAN samalah mengundi DAP. Maka orang Melayu dan Islam, majoritinya akan menolak PAN. Ianya dibuktikan dalam PRK Sungai Besar, Kuala Kangsar. Walaupun bendera PAN lebih banyak di Sungai Besar dan Kuala Kangsar tetapi undi mereka masih gagal mengatasi undi PAS walaupun PAS berseorangan.

Faktor berikutnya ialah rakyat semakin yakin dengan Kerajaan Persekutuan dan Perdana Menteri. Kejayaan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan merealisasikan program-program Kerajaan untuk rakyat seperti UTC, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Kedai Rakyat 1malaysia (KR1M), projek MRT Kuala Lumpur-Ipoh, Projek Lebuh raya Tanpa TOL PAN Borneo dan sebagainya dilihat oleh rakyat sebagai kerja yang bersungguh-sungguh Kerajaan Persekutuan untuk memakmurkan rakyat. Kemampuan Kerajaan Persekutuan memberikan Bantuan RM500.00 untuk sambutan

Hari Raya baru-baru ini memberi petunjuk pengurusan ekonomi negara oleh Perdana Menteri dan Kerajaan bergerak tepat. Menjelang Bajet 2017 pada bulan Oktober nanti, kerajaan pasti tidak mensia-siakan jua pemberian Bonus kepada kakitangan awam. Rakyat bertambah yakin. Kemampuan Perdana Menteri semakin meyakinkan apabila Perdana Menteri meluluskan Kenaikan Gaji baharu kakitangan awam pada bulan Julai ini. Itu tidak termasuk kenaikan tahunan yang diterima pada bulan April baru-baru ini.

Seterusnya faktor hubungan akrab PAS-UMNO sangat menggembirakan orang-orang Melayu dan umat Islam di negara ini. Pengundi di atas pagar telah memberikan kemenangan kepada UMNO kerana kedua-dua kerusi tersebut adalah kerusi yang dimenangi oleh UMNO. Jika di DUN Chempaka, Kelantan pengundi-pengundi UMNO memberi undi kepada calon PAS, kali ini mereka memberi undi kepada UMNO pula. Oleh itu terdapat timbalbalas kerjasama yang menarik di situ. Nampak macam ada *secret policy* atau gentlemen agreement tetapi boleh dibaca oleh pengundi.

## POLA PENGUNDIAN

Jadual 1 menunjukkan keputusan PRK Parlimen Sungai Besar 2016 mengikut kawasan Daerah Mengundi. Data daripada jadual tersebut jelas menunjukkan BN/UMNO menguasai kawasan Melayu di kawasan perkampungan manakala PAS mendapat sebahagian undi di kawasan perkampungan Melayu manakala AMANAH memperoleh undi daripada kawasan pekan dan bagan yang majoritinya enik Cina dan sebahagian kecil undi kaum Melayu di kawasan kampung. Di kawasan campuran pula ketiga-tiga parti memperoleh undi yang agak seimbang mengikut etnik. BN berjaya memperoleh 30 peratus undi etnik Cina iaitu meningkat 15 peratus berbanding PRU 2013. Namun undi yang diperoleh BN dan PAS menurun kerana pengundi luar yang tidak pulang mengundi di samping undi protes daripada penyokong yang pro pembangkang kerana mereka keliru dengan perpecahan parti-parti pembangkang. Justeru, status quo BN di Sungai Besar kekal pada PRK 2016 dengan majoriti yang meningkat kerana perpecahan undi pembangkang dan undi pengundi setempat/insitu yang terus setia dengan UMNO/BN.

Jadual 1:

*Keputusan PRK Parlimen Sungai Besar 2016 Mengikut Kawasan Daerah Mengundi*

Bil.	Daerah Mengundi	Jumlah pemilih	Komposisi etnik	BN	AMANAH	PAS	Undi rosak	Jumlah mengundi
	Undi awal	-	Melayu (100%)	112	8	50	-	170
1	Parit 16 Belia 2	1660	Melayu (99%)	915	54	301	23	1293
2	Parit 13-15 Sg. Panjang	1872	Melayu (100%)	831	59	534	18	1442
3	Parit 6-12 Sg.	1301	Melayu	696	58	208	9	971

	Panjang		(99%)						
4	Parit 2-5 Panjang	Sg.	940	Melayu (100%)	424	24	133	3	584
5	Pekan Besar Melayu	Sg. (kwsn. Melayu)	265	Melayu (100%)	219	2	23	0	244
6	Pekan Besar Cina	Sg. (kwsn. Cina)	2362	Cina (100%)	597	673	344	18	1632
7	Bagan Besar	Sg.	1558	Cina (96%)	426	703	12	14	1155
8	Parit 1 Timur		639	Melayu (92%)	189	79	189	2	459
9	Sg. Limau		1264	Melayu (96%)	572	99	341	0	1012
10	Sg. Hj. Dorani		2165	Melayu (93%)	999	177	502	5	1683
11	Peket 60		1067	Melayu (100%)	425	58	313	0	796
12	Simpang 5		1179	Melayu (99%)	536	88	332	7	963
13	Parit 13 Nipah	Sg.	928	Melayu (99%)	334	51	344	5	734
14	Sg. Nipah		650	Melayu (100%)	296	28	159	0	483
15	Sg. Nibong		1282	Melayu (100%)	586	84	331	11	1012
16	Pasir Panjang Tengah		1863	Melayu (100%)	828	115	478	0	1412
17	Pasir Panjang Selatan		1305	Melayu (100%)	621	71	315	9	1016
18	Taman Berkat		1349	Melayu (60%)	408	355	200	14	977
19	Parit 6-12 Timur		297	Melayu (100%)	145	12	66	0	223
20	Kg. Baharu Nelayan		2652	Melayu (63%)	857	629	354	0	1840
21	Sg. Leman Bendang Utara & Tengah		1386	Melayu (100%)	613	76	396	16	1101
22	Sg. Leman Bendang Selatan		293	Melayu (100%)	217	10	29	0	256
23	Sg. Leman Kg. Darat		2082	Melayu (99%)	1033	100	410	17	1560
24	Sg. Leman Kg Laut		589	Melayu (100%)	327	17	113	4	461
25	Sekinchan Selatan		1398	Cina (99%)	321	605	8	14	948
26	Sekinchan Tempatan Selatan		1378	Cina (63%), Melayu (33%)	463	400	77	18	958

27	Sekinchan Tempatan Tengah	2751	Cina (70%), Melayu (26%)	20	0	1	0	1775
28	Sekinchan Tempatan (Site B)	5251	Cina (100%)	1325	1912	153	49	3439
29	Kian Sit	1374	Campuran (48% Cina, 44% Melayu)	522	361	114	18	1015
30	Sekinchan	2281	Cina (78%), Melayu (19%)	800	685	54	30	1569

Sumber: *Sin Chew Daily*, 22 Jun 2016

Jadual 2 menunjukkan keputusan PRK Parlimen Kuala Kangsar 2016 mengikut kawasan Daerah Mengundi. Data daripada jadual tersebut jelas menunjukkan BN/UMNO menguasai kawasan Melayu di kawasan perkampungan manakala PAS mendapat sebahagian undi di kawasan perkampungan Melayu manakala AMANAH memperoleh undi daripada kawasan pekan yang majoritinya etnik Cina dan memperoleh sebahagian kecil undi kaum Melayu di kawasan kampung. Di kawasan campuran pula ketiga-tiga parti memperoleh undi yang agak seimbang mengikut etnik. BN berjaya memperoleh hampir 30 peratus undi etnik Cina iaitu meningkat 15 peratus berbanding PRU 2013. Namun undi yang diperoleh BN dan PAS menurun kerana pengundi luar yang tidak pulang mengundi di samping undi protes daripada penyokong yang pro pembangkang kerana mereka keliru dengan perpecahan parti-parti pembangkang. Justeru, penguasaan BN di Kuala Kangsar kekal pada PRK 2016 dengan majoriti yang meningkat kerana perpecahan undi pembangkang dan undi pengundi setempat/insitu yang terus setia dengan UMNO/BN.

Jadual 2:

Keputusan PRK Parlimen Kuala Kangsar 2016 Mengikut Kawasan Daerah Mengundi

Bil.	Daerah Mengundi	Komposisi etnik	BN	PAS	AMANAH	Calon Bebas	Undi rosak	Jumlah mengundi
1	Jln. Kangsar	Cina	372	105	421	1	0	899
2	Jln. Datoh	Cina	101	21	164	0	7	293
3	Jln. Dato' Sagor	Campuran	277	80	292	2	1	651
4	Kg. Talang	Campuran	518	156	482	0	16	1172
5	Kg. Pajak Potong	Cina	69	3	72	0	1	145
6	Kg. Lembah Sayong	Melayu	869	494	124	2	0	1489
7	Bukit Resident	Melayu	488	169	430	1	0	1088
8	Bukit Chandan	Campuran	1190	513	306	2	0	2011



9	Bendang Kering	Melayu	437	289	44	0	0	770
10	Menora	Melayu	531	300	59	5	0	895
11	Senggang	Melayu	232	114	64	0	109	519
12	Seberang Manong	Melayu	202	31	10	2	0	245
13	Bekor	Melayu	510	127	9	5	10	661
14	Taman Bunga Raya	Campuran	432	240	238	0	0	910
15	Talang Hulu	Melayu	863	389	246	1	0	1499
16	Jln. Baharu	Campuran	902	374	730	6	0	2012
17	Bendang Panjang	Melayu	671	291	237	4	0	1203
18	Jerlun	Cina	568	88	415	6	0	1077
19	Kg. Mesjid	Melayu	190	170	21	0	0	381
20	Kg. Ketior	Melayu	240	309	57	3	0	609
21	Ulu Kenas	Melayu	433	150	211	0	13	807
22	Lempor	Melayu	529	346	99	0	0	974
23	Kg. Jeliang	Melayu	529	313	123	2	0	967
24	Manong	Campuran	517	288	88	2	0	895
25	Semat	Orang Asli	148	58	43	0	0	249
26	Ulu Piol	Melayu	414	218	70	4	0	706

Sumber: *Sin Chew Daily*, 26 Jun 2016

## IMPLIKASI PRK SUNGAI BESAR DAN KUALA KANGSAR

Agak pelik apabila seorang popular seperti Dr Abdul Rani Osman (PAS) mencatat undi lebih rendah dari calon Amanah. Bagi pendokong pembangkang, keputusan kedua-dua PRK ini tentulah mengecewakan. Namun perlawanan sebenar adalah pilihan raya umum. Kekalahan dalam perlawanan boleh menjadi pencetus kepada kemenangan dalam peperangan. Berikut adalah implikasi PRK di dua kawasan tersebut yang dapat dijadikan pengajaran dalam menghadapi PRU akan datang.

Di sebalik skandal yang terpalit pada Datuk Seri Najib Razak, Barisan Nasional (BN) kekal utuh. Ini menunjukkan Najib seorang strategis politik yang cekap. Seperti dijangkakan, agak sukar dua gabungan pembangkang, iaitu Pakatan Harapan (PKR+DAP+Amanah) dan PAS-Ikatan meruntuhkan dominasi BN di dua kubu kuat BN ini, antaranya kerana:

1. Perpecahan undi pembangkang.
2. PRK yang diadakan terlalu hampir dengan tarikh Hari Raya Aidilfitri menyebabkan sebilangan anak muda yang bekerja di luar berat pulang mengundi.
3. Demografi kawasan semi-urban di mana capaian maklumat pada peringkat nasional melalui media alternatif terbatas berbanding media perdana yang didominasi BN.
4. Kuasa wang dan aset BN yang difokuskan hanya pada dua kerusi.

Selain rakyat, pihak yang paling terkesan pada PRK kali ini adalah PAS dengan kehilangan sebanyak 7,452 undi di Kuala Kangsar dan 11,394 undi di Sungai Besar berbanding PRU-13, semasa mereka masih bersama Pakatan Rakyat. Daripada segi matematik, undi PAS merosot sebanyak 18,846 di kedua-dua kawasan dan secara peratusan ia merupakan kemerosotan sebanyak 60 peratus. Memandangkan kedua-dua kerusi ini adalah kerusi majoriti Melayu dan “separa bandar” dan kerusi tradisional PAS yang ditandingi sejak sekian lama, kehilangan undi dengan jumlah sebegitu besar sepatutnya menjadi “alarming indicator” agar PAS tidak terbuai dalam dunia sendiri dan mengkaji ijihad politik mutakhir mereka. Tambahan lagi, agak pelik apabila seorang popular seperti Dr Abdul Rani Osman mencatat undi yang lebih rendah dari calon muka baharu seperti Azhar Azhar Abdul Shukur dari Amanah.

Amanah pula sebagai parti baru (sembilan bulan) dalam arena politik tanah air berjaya mencuri 12,429 undi iaitu 23 peratus dari jumlah undi di kedua-dua kawasan. Bagi sebuah parti baharu yang rata-ratanya belum dikenali pengundi luar bandar, masih dalam proses membina akar umbi serta diberikan imej negatif saban hari oleh akhbar dan televisyen, angka yang diperolehi menunjukkan Amanah bukanlah “just another newcomer” dan mampu menggugat jika kelemahan yang dikenalpasti diatasi pada hari-hari mendatang.

Faktor paling mengejutkan PRK kali ini tentulah perubahan undi dalam kalangan pengundi Cina di kawasan luar bandar kepada BN, walaupun dengan usaha keras DAP. Ini mungkin disebabkan faktor perpecahan Pakatan Rakyat, Amanah yang belum dikenali ramai dan isu nasional yang terputus disebabkan keterbatasan maklumat dari media alternatif.

PRK kali ini juga memberi isyarat kuat rakyat Malaysia rata-ratanya mengundi berdasarkan kesetiaan kepada parti dan bukannya calon. Ini jelas ditunjukkan apabila kedua-dua calon BN walaupun mendapat protes dari segelintir ahli parti ditambah faktor kempen intensif Tun Dr Mahathir Mohamad masih gagal menggugat majoriti yang dimiliki BN. Hal ini juga dapat dilihat pada PRU13 apabila Datuk Kamalia Ibrahim hanya mendapat 447 undi apabila bertanding sebagai calon bebas walau dengan pengaruhnya sebagai bekas naib ketua wanita UMNO.

Isu nasional seperti 1MDB, dakwaan Datin Seri Rosmah Mansor naik jet peribadi disewa kerajaan, isu MARA, Tabung Haji dan banyak lagi sepertinya tidak memberikan kesan kepada kecenderungan pengundi. Pembangkang terlupa mengambil berat akan isu tempatan, walaupun perlu diakui kebanyakannya di luar bidang kuasa mereka (misalnya isu Jambatan Manong di Kuala Kangsar).

Dengan indikator yang diberikan rakyat pada dua PRK ini, jelas menunjukkan kekuatan pembangkang sepertimana ditunjukkan pada PRU13 perlu disatukan. PAS perlu sedar dan bangkit dari kemerosotan teruk undi yang diperolehi di kerusi majoriti Melayu tradisional mereka. Pakatan Harapan juga perlu secara terbuka mengakui pengundi Melayu sememangnya “kuasa” PAS. Kedua-dua pihak harus mengeneppikan ego dan kembali semula ke meja rundingan bersama Pakatan Harapan. Amanah dan Pakatan Harapan sepastinya sentiasa bersedia berunding demi kepentingan rakyat dan masa depan negara ini.

BN dan PAS mengalami kemerosotan undi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) berbanding Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) di Sungai Besar dan Kuala Kangsar. BN mengalami kemerosotan undi Melayu sebanyak 3 peratus di Sungai Besar dan 6 peratus di Kuala Kangsar. PAS pula mengalami kemerosotan undi Melayu yang sama di Sungai Besar dan Kuala Kangsar sebanyak 7 peratus. Kemerosotan sokongan undi Melayu kedua-dua parti tradisi ini telah diserap oleh Amanah. Pengundi Amanah terdiri daripada pengundi Melayu progresif, Islamik dan kelas menengah yang terdedah dengan maklumat. Amanah juga mendapat sokongan undi Melayu hasil daripada program Deklarasi Rakyat yang dipelopori Tun Dr Mahathir terutamanya di Kuala Kangsar. Amanah mendapat lebih sokongan undi Melayu di Kuala Kangsar berbanding Sungai Besar.

Kebanyakan pengundi Melayu kurang mengenali logo Amanah kerana baru berusia 9 bulan dan pertama kali bertanding dalam pilihanraya di Semenanjung. Ada setengahnya menganggap logo Amanah seperti parti bebas. Terdapat ramai pengundi Melayu pro pembangkang yang keliru, manakah pembangkang sebenar di antara Amanah dan PAS. PAS memiliki kelebihan dengan usianya 65 tahun. Amanah pula ditohmah sebagai pro DAP dan pro Cina sama seperti tohmahan yang dihadapi oleh PAS dalam PRU13. Faktor-faktor ini menyebabkan Amanah mendapat sokongan yang lebih rendah berbanding PAS dan BN. Jika pengundi Melayu lebih mengenali Amanah dan propaganda perkauman dapat diredakan maka sokongannya dijangka meningkat.

Pendekatan PAS yang berkerat rotan dengan DAP dan usul RUU tidak menambahkan undi Melayu. Sebaliknya PAS pula mengalami kemerosotan mendadak undi Cina dalam PRK berbanding PRU13 sebanyak 73 peratus di Sungai Besar dan 63 peratus di Kuala Kangsar. Hasilnya, PAS hanya memperolehi undi teras seperti yang diperolehi dalam PRU11 (2004). Dalam undi teras PAS terdapat undi tegar PAS sekitar 2000 hingga 3000 orang di kedua-dua parlimen ini. Jika berlaku 10 penjuror sekalipun undi tegar PAS ini tidak akan berganjak. Undi teras PAS boleh menyusut tetapi undi tegar PAS tidak akan berubah. Undi Cina yang diperolehi Amanah adalah rendah berbanding yang diperolehi oleh Pakatan Rakyat dalam PRU13. Amanah sebagai komponen Pakatan Harapan dijangkakan boleh mendapat lebih sokongan undi Cina

dalam PRK ini. Malangnya terdapat pengundi muda Cina yang tidak mahu pulang mengundi kerana beranggapan PRK tidak boleh mengubah kerajaan.

Terdapat juga segelintir mereka yang kecewa dengan pertembungan barisan pembangkang. Bukanlah sesuatu yang pelik sokongan undi Cina berubah semasa PRK. Buktinya dalam PRK Sungai Limau (2013), undi Cina terhadap Pas mewakili Pakatan Rakyat merosot berbanding PRU13. Kelemahan Pakatan Harapan mendapatkan sokongan undi Cina dan merudumnya sokongan undi Cina kepada PAS telah diserap oleh BN. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh strategi BN yang lebih berkesan. Janji-janji pilihan raya telah menarik sokongan pengundi Cina kepada BN terutamanya di Kuala Kangsar.

Walau bagaimanapun sokongan pengundi Cina kepada BN dalam PRK adalah bersifat sementara sahaja. Pengundi Cina dijangka akan beralih semula kepada pembangkang dalam PRU14. Itu bergantung kepada strategi BN dan Pakatan Harapan. BN boleh berasa selesa dengan strategi memecahkan undi pembangkang dalam dua PRK kali ini. Jentera BN dan PAS sangat kurang berbalas serangan. Sebaliknya serangan hanya ditumpukan kepada Amanah sahaja. Hanya Amanah mewakili Pakatan Harapan mendapat serangan daripada dua penjujur BN dan PAS. Model PRK ini telah menguntungkan BN dan boleh memberi kemenangan berganda kepada BN dalam PRU14. Jika tiada usaha menyatukan barisan pembangkang bagi mewujudkan formula pertandingan satu lawan satu sebelum PRU14 maka rakyat pro pembangkang akan merasa bosan untuk mengundi dan barisan pembangkang bakal mengalami kekalahan yang teruk.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, BN terus mengekalkan 'status quo' kerana faktor identifikasi parti dan mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi di kedua-dua kawasan tersebut. Pertandingan tiga penjujur yang mengakibatkan perpecahan parti-parti pembangkang antara PH dengan PAS turut memberi kelebihan kepada BN untuk terus kekal dengan pertambahan majoriti yang lebih tinggi. Namun begitu jika dilihat kepada keputusan PRK mengikut kawasan daerah mengundi majoriti etnik tertentu serta lokasi geografi (bandar-luar bandar) jelas menunjukkan pola pengundian yang berlaku adalah mirip keputusan PRU 2013 sebelumnya. Faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing turut mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian. Justeru, semua parti politik perlu mengambil iktibar terhadap keputusan dan pola pengundian sedemikian untuk merangka strategi politik yang mantap bagi memenangi hati pengundi menuju PRU-14 akan datang.

**RUJUKAN-RUJUKAN**

- Amer Saifude Ghazali (2013) Analisis dan Pola Pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali. *Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Amir Hasan Dawi (2013) Pola Pengundian di Perak dalam PRU-13. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Araf Azran (2014) Rakyat Selangor memerhatikan Azmin. Dlm. Dewan Masyarakat. Keluaran November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Butler, B. & Kavanagh, D. (2002) *The British General Election of 2001*. New York: Palgrave.
- Campbel, A., Converse, P.E., Miller, W.E. & Stokes, D.E. (1960) *The American Voter*. New York: Jown Wiley.
- Chamil Wariya (2006) *Perjuangan Membela Melayu: UMNO Selangor 1946-2006*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn Bhd.
- Downs, A. (1957) *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper & Row.
- Fairol Halim, Mohamed Mustafa Ishak, Mohd Foad Sakdan, Mohammad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Zaheruddin Othman, Shamsul Anuar Che May@Ismail, Mohammad Fuad Othman, Yahya Adon (2011) Kajian Transformasi Kepimpinan Masyarakat Selangor. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Fernando, J.M. (2011) Urban Swing dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor. Dlm. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Edt.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Harun (1994) Ragam pengundi Melayu Bandar dan desa: satu kajian di Kajang dan Dengkil. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2009) Pola Politik Mengikut Kaum Di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). Kertas Kerja Seminar Malindo-Nusantara (I). The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas (UNAND), Padang, Sumatera Barat, Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2010) persepsi terhadap kepemimpinan nasional dan Kerajaan Negeri Selangor. *Seminar Bersama Antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Universitas Indonesia (UI) “SEBUMI 3” 2010*.

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi, Selangor. Anjuran: Universiti Kebangsaan Malaysia – Universitas Indonesia. 12-13 Oktober.*
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faiz Mohd Zain (2010a) Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan dan Pola Pengundian. *Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change*. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faiz Mohd Zain (2010b) Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan Dan Pola Pengundian. Kertas Kerja Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) and Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail (2010c) Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal E-Bangi*. 5(1): 26-37.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain (2011a) Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*. (8)2011: 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain (2011) Kajian Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*. (8)2011: 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2012a) Persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 dan impaknya Kepada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi, Selangor. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(2): 200-224.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2012b) Pengaruh *gerrymandering* terhadap pola pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi, Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 8(7): 1-12.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali. Mohd Fuad Mat Jali (2012c) Impak persempadanan semula bahagian pilihan raya 2003 dan pola pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi pada Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia 1995-2008. The 6<sup>th</sup> East Asia Regional Conference on Alternative Geographies (The 6<sup>th</sup> EARCAG) “Global Change and the Re-Shaping of Society and Environment in East Asia”. Organised By: Geography Programme, School of Social, Development and Environmental Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, The

- National University of Malaysia, Bangi, Selangor. At: Danau Golf Resort, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia. 13-16 February.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faiz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali (2014b) Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8) (The 8<sup>th</sup> International Conference On Malaysia-Indonesia Relations). Anjuran dan Tempat: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (Unilak), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Khalid Samad (2011) Dasar sosial kerajaan pimpinan Pakatan Rakyat. Dlm. Tricia Yeoh (pnyt.). *Liku-Liku Reformasi: Pakatan Rakyat di Selangor*, hlm. 207-215. Terj. Amin Ahmad. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Kuek Ser Kuang Keng (2012a) By-election 10: P94 Hulu Selangor, Selangor. In. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edt.), *Democracy at stake?: Examining 16 by-elections in Malaysia 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Kuek Ser Kuang Keng (2012b) By-Election 4: P59 Bukit Gantang, Perak (March 29-April 7, 2009). In Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edtr). *Democracy at Stake? Examining 16 By-election in Malaysia, 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Leow Pek Yee @ Loh Pek Yee (2001) Pilihan raya 1999: tingkahlaku pengundi Cina di Sri Kembangan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim Liang Huat (1990) Penilaian pilihan raya kecil kawasan Parlimen Ampang Jaya tahun 1989: Satu kajian perhubungan unsur kelas sosial dan unsur perkauman. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali (2013) Dewan Negeri Selangor selepas 2008. Dlm Saari Sungib. *50 Tahun Potret Demokrasi Selangor*. Shah Alam: Communication Corporation Sdn Bhd. (CCSB).
- Mohd Faiz Mohd Zain & Junaidi Awang Besar (2010) Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor: satu analisis terhadap politik Melayu. *Seminar Bersama Antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Universitas Indonesia (UI) “SEBUMI 3” 2010*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi, Selangor. Anjuran: Universiti Kebangsaan Malaysia – Universitas Indonesia. 12-13 Oktober.
- Mohd Fuad Mat Jali (1995) *Persekitaran dan pengundi: Kajian awal kearah pembentukan tingkahlaku pengundi dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 di*

- kawasan Parlimen Tanjung Karang. Selangor. Seminar 25 tahun Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2009) Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Anjuran Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember 2009.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Kamaruddin M Said (2009) Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian pungutan pendapat di kalangan kakitangan awam Negeri Selangor, Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 5(1): 44-53.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Muhammad Hazim Abd Ghani & Muhammad Nurluqman Mohd Zin (2014) Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor: Analisis Terhadap Kempen, Isu, Persepsi Terhadap Dasar Kerajaan dan Keputusan PRK. International Conference On Social Sciences And Humanities (ICOSH) 2014. Host and at Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. 10-13 November.
- Mohd Hasbie Muda (2013) *Kemenangan yang Tertangguh: Analisis Keputusan PRU ke-13 dan Unjuran Kemenangan Masa Hadapan*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Muhammad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2016) Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajiankes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4): 34 – 45.
- Pemerhatian di lapangan 4 hingga 13 Jun 2016 di kawasan Parlimen Sungai Besar (DUN Sungai Panjang - Daerah Mengundi Parit 16 – Belia 2, Parit 13-15 Sungai Panjang, Parit 6-12 Sungai Panjang, Parit 2-5 Sungai Panjang, Pekan Sungai Besar, Bagan Sungai Besar, Parit 1 Timur, Sungai Limau, Sungai Haji Dorani, Peket Enam Puluh, Simpang Lima, Parit 13 Sungai Nipah, Sungai Nipah, Sungai Nibong, Pasir Panjang Tengah, Pasir Panjang Selatan, Taman Berkat, Parit 6-12 Timur, Kampung Baru Nelayan; dan di DUN Sekinchan yang mengandungi Daerah Mengundi Sungai Leman Bendang Utara, Sungai Leman Bendang Tengah, Sungai Leman Bendang Selatan, Sungai Leman Kampung Darat, Sungai Leman Kampung Laut, Sekinchan Selatan, Sekinchan Tempatan Selatan, Sekinchan Tempatan Tengah, Sekinchan Tempatan (Site B), Kian Sit dan Sekinchan. Parlimen Kuala Kangsar (DUN Bukit Chandan - Daerah Mengundi Jalan Kangsar, Jalan Datoh, Jalan Dato Sagor, Kg. Talang, Kg. Pajak Potong, Kg. Lemah Sayong, Bukit Resident, Bukit Chandan, Bendang Kering, Menora, Senggang, Seberang Manong dan Bekor; dan DUN Manong - Daerah Mengundi Taman Bunga Raya, Talang Hulu, Jalan Baharu, Bendang Panjang,



- Jerlun, Kg. Mesjid, Kg. Ketior, Ulu Kenas, Lempor, Kg. Jeliang, Manong, Semat dan Ulu Piol)
- Rahman Shaari (2009) *Tingkah Politik*. Shah Alam: Buku Prima Sdn Bhd.
- Rahman Shaari (2012) *Politik Bagus*. Ampang: Pekan Ilmu Publication Sdn Bhd.
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan (2016) Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Siti Zanariah Ahmad Ishak & Ahmad Nizar Yaakub (2013) The failure of Barisan Nasional to gain inroads back to Selangor in the 13<sup>th</sup> GE. *Second International Conference on Elections and Democracy in Malaysia 2013*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 6-7 November.
- Syed Arabi Idid (2014a) Pengundi dan Isu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Kajang 2014. Seminar Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca PRU 2013. Projek Khas Nasional (Media, Demokrasi dan Sistem Elektoral), Majlis Profesor Negara dan Unit Penyelidikan Elektoral, UIAM. Meetings@Bunga Rooms (Kenanga and Melor), Aras 3, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. 13 November.
- Syed Husin Ali (2011) Cabaran politik dan pentadbiran di Selangor. Dlm. Tricia Yeoh (pnyt.). *Liku-Liku Reformasi: Pakatan Rakyat di Selangor*, hlm. 89-101. Terj. Amin Ahmad. Petaling Jaya: Strategic Information and Reseach Development Centre (SIRD).
- Tricia Yeoh (2010) *The Road to Reform: Pakatan Rakyat in Selangor*. Petaling Jaya: Strategic Information and Reseach Development Centre (SIRD).
- Tricia Yeoh (2012) *States of Reform: Governing Selangor and Penang*. Penang: Penang Institute.
- Wong Pui Yi (2014) Pandan, Selangor: new electoral dynamics in urban Malaysia. In Weiss, M.L. *Electoral dynamics in Malaysia: finding from the grassroots*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.